LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

ELAUN PELABURAN SEMULA
BAHAGIAN 1 – AKTIVITI PENGILANGAN

KETETAPAN UMUM NO. 10/2022

TARIKH PENERBITAN: 27 DISEMBER 2022

Ketetapan Umum No. 10/2022

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA **Tarikh Penerbitan: 27 Disember 2022**

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi keempat

Edisi ketiga 06 November 2020

Edisi kedua 22 Disember 2017

Edisi pertama 12 Oktober 2012

© 2022 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

Ketetapan Umum No. 10/2022

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA **Tarikh Penerbitan: 27 Disember 2022**

KANDUNGAN **Muka surat**

1.	Objektif	1
2.	Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3.	Tafsiran	1
4.	Kelayakan Menuntut Elaun Pelaburan Semula	1
5.	Tempoh Minimum Operasi	2
6.	Pengilangan	4
7.	Projek yang Layak	8
8.	Perbelanjaan Modal	13
9.	Tempoh yang Layak	28
10.	Layanan Cukai	32
11	Layanan Cukai Khas Semasa Tempoh Peralihan	45
12.	Ketidakpakaian	47
13.	Prosedur Tuntutan	52
14.	Pengemaskinian dan Pindaan	52
15.	Penafian	53

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk membantu syarikat yang bermastautin di Malaysia dan menjalankan aktiviti pengilangan dalam menentukan kelayakan syarikat untuk menuntut elaun pelaburan semula (EPS) serta memberi penjelasan berhubung dengan:

a) projek yang layak untuk EPS;

b) perbelanjaan yang layak untuk EPS;

c) tempoh kelayakan;

d) pengiraan EPS; dan

e) sekatan tempoh maksimum untuk baki EPS diserap.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.

2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 133A, Jadual 3 dan Jadual 7A.

3. Tafsiran

Perkataan-perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

3.1 “Operasi” bermaksud sesuatu aktiviti yang terdiri daripada menjalankan suatu perniagaan yang disebut dalam perenggan 8 Jadual 7A ACP.

3.2 “Dihentikan penggunaan” berhubung dengan sesuatu aset termasuk suatu aset yang diklasifikasikan sebagai aset yang dipegang untuk dijual di bawah perenggan 61A, Jadual 3 ACP.

4. Kelayakan Menuntut Elaun Pelaburan Semula

EPS merupakan suatu insentif cukai khas yang diberikan kepada sebuah syarikat bermastautin di Malaysia yang –

a) telah beroperasi bagi tempoh yang tidak kurang dari 36 bulan; dan

b) telah melakukan dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran (TT) perbelanjaan modal atas kilang, loji atau jentera yang digunakan di Malaysia

bagi tujuan suatu projek yang layak seperti dirujuk dalam perenggan 8(a), Jadual 7A ACP.

5. Tempoh Minimum Operasi

Sebuah syarikat hendaklah telah beroperasi selama 36 bulan atau lebih untuk layak menuntut EPS bagi suatu projek yang layak. Tempoh operasi dikira dari tarikh syarikat memulakan suatu perniagaan pengilangan.

Contoh 1

Syarikat A memulakan perniagaan pengilangan barangan plastik pada 1.3.2015 dan menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun. Syarikat melakukan perbelanjaan modal sejumlah RM200,000 pada 1.6.2018 untuk beberapa buah mesin berteknologi tinggi bagi tujuan suatu projek pemodenan.

Senario diringkaskan seperti berikut:



Syarikat A layak menuntut EPS bagi TT 2018 ke atas perbelanjaan modal berjumlah RM200,000 kerana syarikat telah beroperasi lebih daripada 36 bulan (iaitu 39 bulan).

Contoh 2

Syarikat B memulakan pengilangan botol kaca pada 1.1.2016 dan menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun. Syarikat B telah melakukan perbelanjaan modal sejumlah RM300,000 bagi tujuan suatu projek yang layak pada 1.7.2018.

Senario diringkaskan seperti berikut:



Syarikat B tidak layak menuntut EPS bagi TT 2018 ke atas perbelanjaan modal sejumlah RM300,000 yang dilakukan kerana pada 1.7.2018, syarikat telah menjalankan perniagaan pengilangan botol kaca kurang daripada 36 bulan (iaitu 30 bulan).

Contoh 3

Syarikat C memulakan perniagaan pengilangan kasut pada 1.3.2014 dan menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun. Pada 1.9.2015, Syarikat C memulakan satu perniagaan lain iaitu pengilangan produk penjagaan diri seperti syampu rambut, perapi dan produk pendandan rambut yang tidak berkaitan dengan pengilangan kasut. Syarikat C mempelbagaikan beberapa jenis produk penjagaan diri seperti syampu badan dan losyen badan serta melakukan perbelanjaan modal yang layak sejumlah RM130,000 pada 1.5.2018 untuk tujuan tersebut.

Senario diringkaskan seperti berikut:



Dalam menentukan sama ada Syarikat C telah beroperasi tidak kurang daripada 36 bulan, tempoh operasi adalah dikira dari tarikh syarikat memulakan perniagaan pengilangan produk penjagaan diri iaitu 1.9.2015.

Oleh kerana syarikat telah menjalankan perniagaan pengilangan produk penjagaan diri kurang daripada 36 bulan (iaitu 32 bulan), Syarikat C tidak layak untuk EPS ke atas perbelanjaan modal sejumlah RM130,000 bagi TT 2018.

6. Pengilangan

6.1 Maksud pengilangan

Pengilangan bagi tujuan EPS ertinya –

a) penukaran secara manual atau mekanikal bahan organik atau bahan bukan organik kepada produk baharu dengan mengubah komposisi, sifat semula jadi atau kualiti bahan tersebut;

b) percantuman bahagian menjadi sebuah jentera atau produk; atau

c) campuran bahan-bahan melalui proses reaksi kimia termasuk proses biokimia yang mengubah struktur molekul melalui pemecahan ikatan intra molekul atau melalui pengubahan susunan ruang atom dalam molekul,

tetapi tidak termasuk –

(i) pemasangan jentera atau peralatan untuk tujuan pembinaan;

(ii) operasi pembungkusan ringkas seperti pembotolan, penyimpanan dalam kotak, beg dan bekas;

(iii) pelekapan ringkas;

(iv) campuran ringkas mana-mana produk;

(v) percantuman ringkas bahagian;

(vi) mana-mana aktiviti untuk memastikan pemeliharaan produk dalam keadaan baik semasa pengangkutan dan penyimpanan;

(vii) mana-mana aktiviti untuk memudahkan penghantaran dan pengangkutan;

(viii) mana-mana aktiviti pembungkusan atau persembahan produk untuk dijual; atau

(ix) mana-mana aktiviti yang ditetapkan oleh Menteri, walau apa pun tafsiran di atas. Sila rujuk kepada **Lampiran A** untuk senarai aktiviti yang dikecualikan seperti diperuntukkan dalam Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Penetapan Aktiviti yang Dikecualikan daripada Takrif "Pengilangan") 2012 – [P.U. (A) 23/2012].

Untuk tujuan EPS, **ringkas** bermaksud aktiviti yang tidak memerlukan kemahiran khusus, mesin khas, peralatan khas atau kelengkapan khas yang dikeluarkan atau dipasangkan khusus untuk menjalankan aktiviti tersebut.

Contoh 4

Syarikat D mengimport perabot terlerai dari negara China dalam bentuk *completely knocked down (CKD)*. Pekerja di kilang syarikat mencantumkan semua komponen yang diimport kepada suatu perabot lengkap. Aktiviti percantuman bahagian CKD kepada suatu perabot tidak memerlukan apa-apa mesin, peralatan, kelengkapan atau kemahiran khusus.

Aktiviti syarikat tidak terjatuh dalam takrifan pengilangan untuk tujuan EPS.

Contoh 5

Syarikat E telah menjalankan perniagaan membekal dan memasang paip sejak 1.3.2013 dan menutup akaunnya pada 31 Ogos setiap tahun. Paip tersebut dipotong dan dikimpal mengikut spesifikasi pelanggan. Oleh kerana permintaan produk yang meningkat, Syarikat E kemudiannya membeli sebuah bangunan baharu pada 15.6.2018 dan menggunakannya sebagai sebuah bengkel untuk perniagaan.

Syarikat E tidak layak menuntut EPS ke atas kos bangunan baharu memandangkan aktiviti syarikat tidak terjatuh dalam takrifan pengilangan untuk tujuan EPS.

6.2 Bagi tujuan EPS, pengilangan telah ditakrifkan dalam perenggan 9, Jadual 7A ACP. Aktiviti pengilangan adalah dianggap selesai sebaik sahaja produk siap dapat dikenalpasti.

Contoh 6

Syarikat F telah menjalankan perniagaan pengilangan pensel warna sejak 1.2.2014 dan menutup akaunnya pada 30 September setiap tahun. Pada 1.6.2018, Syarikat F memperoleh sebuah loji baharu untuk projek pembesaran. Sebahagian loji terdiri daripada mesin A untuk melipat kotak

berwarna-warni dan memasukkan pensel warna ke dalam kotak tersebut yang mana pensel warna itu dijual. Mesin baharu yang lain (mesin B) akan memasukkan kotak tersebut ke dalam karton.

Bagi tujuan EPS, pengilangan pensel warna selesai selepas proses memasukkan pensel ke dalam kotak berwarna-warni. Oleh itu, perbelanjaan modal yang dilakukan oleh syarikat F ke atas mesin A untuk melipat kotak warna warni dan memasukkan pensel ke dalam kotak tersebut untuk projek pembesaran adalah **layak untuk EPS**.

Walau bagaimanapun, memandangkan pembungkusan kotak berwarna-warni ke dalam karton untuk tujuan pemasaran tidak terjatuh dalam aktiviti pengilangan, perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas mesin B tidak layak untuk EPS.

6.3 Rawatan bahan buangan untuk kegunaan dalam aktiviti pengilangan

6.3.1 Rawatan bahan buangan untuk kegunaan semula

Jika bahan buangan daripada aktiviti pengilangan dirawat dan dikitar semula dalam kilang untuk kegunaan aktiviti pengilangan yang sama, rawatan bahan buangan tersebut boleh dianggap sebagai sebahagian daripada aktiviti pengilangan untuk tujuan EPS.

Contoh 7

Syarikat G, sebuah syarikat pengilangan yang mengeluarkan asid hidroklorik telah membeli dan memasang kelengkapan dalam kilang bagi merawat air buangan industri yang bertoksik. Ini bukan bertujuan untuk mengitar semula bahan buangan bagi digunakan semula dalam aktiviti pengilangan.

Peralatan untuk merawat air buangan industri yang bertoksik adalah tidak layak untuk EPS.

Contoh 8

Syarikat H, sebuah syarikat pengilangan yang mengeluarkan asid hidroklorik telah memperbesarkan perniagaan yang sedia ada dengan membeli mesin tambahan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran. Syarikat juga membeli dan memasang peralatan dalam kilang untuk merawat air buangan industri yang bertoksik supaya dikitar semula bagi tujuan kegunaan semula dalam proses mengeluarkan asid hidroklorik.

Syarikat H telah menjalankan suatu projek yang layak dengan memperbesarkan perniagaan sedia ada dan memandangkan air yang dirawat digunakan semula dalam proses mengeluarkan asid hidroklorik, syarikat layak menuntut EPS ke atas kos –

(i) mesin tambahan baharu untuk menambahkan kapasiti pengeluaran; dan

(ii) peralatan untuk merawat air buangan industri yang bertoksik untuk dikitar semula bagi tujuan kegunaan semula dalam aktiviti pengilangan.

6.3.2 Penukaran bahan buangan dan produk sampingan

Sebagai ganti melupuskan bahan buangan atau produk sampingan, sebuah syarikat boleh menukar bahan buangan atau produk sampingan kepada produk berkaitan dengan cara penukaran bio atau kaedah penukaran yang lain. Aktiviti yang terlibat dalam penukaran adalah aktiviti pengilangan.

Nota

Penukaran bahan buangan atau produk sampingan kepada produk berkaitan adalah layak sebagai suatu projek kepelbagaian. Sila rujuk kepada subperenggan 7.3.4 dan Contoh 15 untuk keterangan lanjut.

6.3.3 Rawatan bahan buangan sebelum dibuang dari kilang

Rawatan bahan buangan sebelum dibuang dari kilang adalah bukan sebahagian daripada aktiviti pengilangan dan bukan merupakan kepelbagaian bagi tujuan Jadual 7A ACP. Walau bagaimanapun, rawatan bahan buangan itu sendiri (seperti yang dinyatakan dalam subperenggan 6.3.1) boleh menjadi suatu projek yang layak, yang berasingan dan berlainan, jika ia memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Contoh 9

Syarikat J adalah sebuah syarikat pengilangan minyak kelapa sawit. Syarikat membeli peralatan untuk merawat air buangan industri yang bertoksik bagi memenuhi syarat-syarat pihak berkuasa tempatan dalam mengurangkan pencemaran kepada alam sekitar.

Rawatan air buangan industri yang bertoksik bukan sebahagian aktiviti pengilangan tetapi bagi tujuan pematuhan kepada undang-undang yang berkaitan.

7 Projek yang Layak

7.1 Maksud projek yang layak

Menurut perenggan 8 Jadual 7A ACP, suatu projek yang layak bermaksud suatu projek yang diusahakan oleh sebuah syarikat, dalam membesarkan, memodenkan atau mengautomasikan perniagaan sedia ada berkenaan dengan pengilangan suatu produk atau mana-mana produk berkaitan dalam industri yang sama atau mempelbagaikan perniagaan sedia ada kepada apa-apa produk berkaitan dalam industri yang sama.

Suatu projek yang layak hendaklah menunjukkan peningkatan dalam kapasiti pengeluaran atau pencapaian dalam bentuk penjimatan masa, bahan atau tenaga kerja, atau penghasilan produk yang lebih berkualiti atau lain-lain penambahbaikan berbanding dengan sebelum syarikat mengusahakan projek yang layak. Peningkatan atau penambahbaikan ini hendaklah ditentusahkan oleh jurutera/juruteknik pengeluaran atau mana-mana orang berkaitan yang mempunyai tanggungjawab atau terlibat secara langsung dalam pengeluaran. Untuk tujuan audit, dokumen/data yang relevan yang membolehkan jurutera/juruteknik membuat penentusahan perlu disediakan.

7.2 Maksud projek

7.2.1 Suatu **projek** berhubung dengan suatu projek yang layak bagi tujuan Jadual 7A ACP yang dijalankan oleh sebuah syarikat yang terlibat dalam aktiviti pengilangan untuk melaksanakan suatu pelan atau skim. Ia merupakan suatu pelan atau skim yang dirancang dengan teliti untuk dilaksanakan dalam suatu tempoh masa yang spesifik, dengan bajet yang spesifik dan sasaran pencapaian.

7.2.2 Dokumen yang boleh digunakan sebagai bukti untuk menyokong suatu projek adalah:

(a) kertas projek;

(b) kajian kemungkinan;

(c) penyelidikan pasaran;

(d) pelan perniagaan yang menunjukkan tindakan yang diambil atau akan diambil;

(e) bajet dan penyusunan kewangan;

(f) resolusi pengarah dan/atau minit mesyuarat; atau

(g) lain-lain dokumen yang relevan berhubung dengan projek.

7.3 Pembesaran, pemodenan, automasi atau kepelbagaian

7.3.1 **Pembesaran** merujuk kepada suatu peningkatan dalam kapasiti pengeluaran atau pembesaran ruang kilang. Ini selalunya berkaitan dengan peningkatan permintaan kepada sesuatu produk. Ini akan mengakibatkan peningkatan kapasiti pengeluaran untuk pengilangan sesuatu produk atau mana-mana produk yang berkaitan dalam industri yang sama. Dalam keadaan biasa, peningkatan kapasiti ini sepatutnya diikuti dengan peningkatan penggunaan kapasiti dan disusuli dengan peruntukan dan penggunaan yang lebih tinggi daripada lain-lain sumber. Hasil sepatutnya adalah peningkatan output pengeluaran dan jualan pada masa yang sesuai.

Contoh 10

Syarikat K, sebuah syarikat pengilang komponen kereta memasang 3 talian pengeluaran tambahan bagi tujuan meningkatkan kapasiti pengeluaran aktiviti pengilangan sedia ada. Kapasiti pengeluaran meningkat daripada 12,000 unit kepada 20,000 unit sebulan.

Syarikat K menjalankan suatu projek pembesaran untuk tujuan EPS.

Contoh pembesaran yang lain adalah seperti berikut:

Aktiviti/Produk Asal	Aktiviti/Produk Baharu
sarung tangan getah	sarung tangan kapas, sarung tangan benang bulu bebiri
tayar kenderaan	tayar pesawat, tayar celup, tiub dalaman
produk penjagaan kulit	produk kosmetik
pengeluaran minyak masak	lemak sayur-sayuran, mentega, marjerin

TV konvensional	TV plasma, TV LCD
kamera analog	kamera digital, kamera video
telefon mudah alih	telefon mudah alih dilengkapi fungsi kamera dan rakaman
Barang kemas kostum, barang kemas perak	barang kemas emas, barang kemas dengan kristal dan batu berharga

Pembesaran juga adalah termasuk integrasi ke belakang. Integrasi ke belakang melibatkan pengeluaran komponen atau bahan mentah yang digunakan dalam suatu produk akhir sedia ada sesebuah syarikat.

Contoh 11

Syarikat L adalah sebuah syarikat pengilang pakaian yang menjalankan pengilangan fabrik.

Pengilangan dan pengeluaran fabrik merupakan suatu projekyang layak kerana ia adalah projek integrasi ke belakang dan merupakan suatu projek pembesaran bagi tujuan EPS.

7.3.2 **Pemodenan** merujuk kepada menaik taraf peralatan pengilangan dan proses. Suatu projek pemodenan biasanya diusahakan untuk mencapai kecekapan yang lebih tinggi dalam pengeluaran, menambah baik kualiti produk dan / atau mengurangkan kos pengeluaran.

Contoh 12

Syarikat M, sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan pengilangan sarung tangan getah memasang mesin baharu yang canggih untuk sistem talian pengeluaran syarikat sedia ada yang menyingkatkan bilangan proses, tempoh pengeluaran dan kos tenaga kerja serta meningkatkan kualiti produk syarikat.

Oleh itu, syarikat M menjalankan suatu projek pemodenan bagi tujuan EPS.

7.3.3 **Pengautomasian** ialah satu proses di mana operasi secara manual diganti dengan operasi mekanikal dengan pertimbangan dan kawalan manusia yang minima / berkurangan.

Contoh 13

Syarikat N sebuah syarikat pengilang motosikal yang telah membeli jentera robot untuk menjalankan kerja-kerja mengimpal dan menyembur yang sebelumnya ini dibuat secara manual.

Kerja-kerja mengimpal dan menyembur yang dijalankan oleh sebuah jentera robot merupakan suatu projek automasi bagi tujuan EPS.

7.3.4 **Kepelbagaian** bermaksud mengusahakan suatu projek untuk menghasilkan produk tambahan atau produk baharu yang berkaitan dalam industri yang sama. Produk tambahan atau baharu hendaklah berkaitan atau serupa dengan produk sedia ada dari segi ciri-ciri berikut:

(a) bahan mentah utama;

(b) komponen utama;

(c) jenis, banjaran, kepelbagaian, kelas, kategori, kumpulan;

(d) sifat, ciri;

(e) fungsi, tujuan, kegunaan; atau

(f) proses pengilangan.

Contoh-contoh aktiviti atau produk yang layak sebagai projek kepelbagaian adalah seperti dalam jadual berikut:

Aktiviti/Produk Asal	Aktiviti/Produk Baharu
sarung tangan getah	kasut getah, mohor getah
tayar kenderaan	bingkai logam untuk roda
produk penjagaan kulit	kelengkapan dandanan diri seperti syampu rambut dan badan, losyen lindungan matahari
pengeluaran minyak masak	sabun, lilin, minyak
TV konvensional	pemain VCD dan DVD
barang kemas kostum, barang kemas perak	perhiasan perak, emas, kristal

Contoh-contoh aktiviti atau produk yang tidak layak sebagai projek kepelbagaian ialah seperti berikut:

Aktiviti/Produk Asal	Aktiviti/Produk Baharu
sarung tangan getah	peralatan makmal
tayar kenderaan	pelampung plastik
produk penjagaan kulit dan kosmetik	pakaian
minyak masak	perkakas dapur
TV konvensional	pendingin hawa
barang kemas kostum, barang kemas perak	produk kosmetik

7.3.4.1 Kepelbagaian termasuk suatu projek integrasi ke hadapan. Integrasi ke hadapan merujuk kepada perubahan daripada pengeluaran bahan mentah sedia ada atau produk pertengahan kepada pengeluaran produk hiliran seperti produk pertengahan yang lain atau suatu produk akhir.

Contoh 14

Syarikat O mengeluarkan ejen pewarna dan perasa yang digunakan dalam makanan dan minuman. Syarikat kemudiannya bercadang untuk mengeluarkan kordial.

Pengeluaran kordial adalah suatu integrasi ke hadapan dan layak sebagai suatu projek kepelbagaian.

7.3.4.2 Penukaran bahan buangan atau produk sampingan dengan cara aktiviti pengilangan kepada suatu produk baharu adalah kepelbagaian bagi tujuan Jadual 7A ACP.

Contoh 15

Syarikat P, sebuah syarikat yang mengeluarkan minyak kelapa sawit memulakan suatu projek untuk menggunakan tandan kosong daripada sisa kelapa

sawit dan menukar sisa kepada papan gentian berasaskan kelapa sawit.

Pengilangan papan gentian daripada sisa kelapa sawit adalah layak sebagai suatu projek kepelbagaian.

Contoh 16

Fakta adalah sama seperti di Contoh 15 kecuali Syarikat P memutuskan untuk menukarkan suatu produk sampingan penapisan minyak kelapa sawit iaitu sulingan asid lemak kelapa sawit kepada makanan haiwan.

Pengilangan makanan haiwan ini adalah layak sebagai suatu projek kepelbagaian.

8 Perbelanjaan Modal

8.1 Perbelanjaan modal bagi maksud suatu projek yang layak

Perbelanjaan modal merujuk kepada perbelanjaan modal ke atas kilang, loji atau jentera yang dilakukan bagi maksud suatu projek yang layak di bawah Jadual 7A ACP. Perbelanjaan tersebut tidak termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan atas loji dan jentera yang diperuntukkan kesemuanya atau sebahagian untuk kegunaan seorang pengarah, atau seorang individu yang merupakan seorang ahli pengurusan, atau kakitangan pentadbiran atau perkeranian.

8.2 Maksud kilang

8.2.1 Kilang ertinya –

(a) bahagian keluasan lantai sebuah bangunan atau sambungan kepada sebuah bangunan yang digunakan bagi tujuan projek yang layak untuk menempatkan atau memasang loji atau jentera atau untuk menyimpan apa-apa bahan mentah, atau barangan atau bahan yang dikilang sebelum dijual;

(b) dengan syarat bahawa berhubung bahagian keluasan lantai bangunan atau sambungan kepada bangunan yang digunakan untuk penyimpanan bahan mentah, atau barangan atau bahan, atau kedua-duanya, ia mestilah tidak

lebih daripada satu persepuluh daripada jumlah keluasan bangunan atau sambungan kepada bangunan tersebut.

Perkara ini diringkaskan dalam Rajah 1, 2, 3 dan 4 berikut:

Rajah 1



Rajah 2



Rajah 3



Ruang pejabat jualan tidak layak EPS kerana ruang lantai yang disambung ini tidak digunakan untuk projek yang layak atau ruang penyimpanan.

EPS dibenarkan ke atas 75,000 kps keluasan lantai yang disambung sahaja (digunakan untuk projek yang layak dan ruang penyimpanan). Keluasan lantai yang digunakan untuk ruang simpanan layak EPS kerana ia kurang 10% (5,000 kps /75,000 kps x 100%) daripada jumlah keluasan lantai yang digunakan untuk projek yang layak dan ruang penyimpanan.

Penentuan kelayakan EPS bagi ruang simpanan hendaklah berdasarkan nisbah keluasan ruang penyimpanan tersebut (5%) dengan jumlah keseluruhan projek yang layak (kepelbagaian) (5,000 kps + 70,000 kps).

8.2.2 Layanan cukai yang ditunjukkan dalam rajah 1,2 dan 3 ini terpakai selagi mana keluasan ruang simpanan tidak melebihi satu per sepuluh (1/10) daripada jumlah keseluruhan keluasan sambungan kepada bangunan yang digunakan bagi tujuan projek yang layak.

Rajah 4



Ruang pejabat jualan tidak layak EPS kerana ruang lantai yang disambung ini tidak digunakan untuk projek yang layak atau ruang penyimpanan.

EPS dibenarkan ke atas 67,000 kps keluasan lantai yang disambung (digunakan untuk projek yang layak). Keluasan lantai yang digunakan untuk ruang simpanan tidak layak EPS kerana ia melebihi 10% (8,000 kps /75,000 kps x 100%) daripada jumlah keluasan lantai yang digunakan untuk projek yang layak dan ruang penyimpanan.

Penentuan kelayakan EPS bagi ruang simpanan hendaklah berdasarkan nisbah keluasan ruang penyimpanan tersebut (8%) dengan jumlah keseluruhan projek yang layak (kepelbagaian) (8% + 67%).

8.2.3 Sebuah syarikat yang menyewa sebuah kilang boleh menuntut EPS atas perbelanjaan yang layak yang dilakukan ke atas kos penyambungan kepada kilang jika sambungan itu dibuat bagi tujuan suatu projek yang layak.

Contoh 17

Syarikat Q menyewakan sebuah kilang kepada Syarikat A1 sebuah syarikat pengilangan produk plastik. Bagi tujuan menempatkan mesin-mesin baharu untuk suatu projek pembesaran, Syarikat A1 membelanjakan RM100,000 ke atas sambungan kepada kilang yang disewa itu.

Sambungan kepada kilang yang disewa adalah untuk menempatkan mesin-mesin baharu untuk suatu projek pembesaran. Oleh itu, sambungan kepada kilang yang disewa itu adalah layak sebagai sebuah kilang untuk tujuan EPS.

8.2.4 Syarikat yang berpindah dari kilang yang disewa kepada kilang sendiri atau membeli sebuah kilang yang dahulunya disewa tidak memenuhi kelayakan sebagai sebuah kilang untuk tujuan EPS kecuali kilang tersebut digunakan bagi tujuan suatu projek yang layak.

Contoh 18

Syarikat R telah menjalankan perniagaan pengilangan di sebuah kilang yang disewa di Klang selama 3 tahun. Pada tahun keempat perniagaan, syarikat memutuskan untuk membeli kilang tersebut apabila pemilik kilang mengiklankan kilang itu untuk jualan.

Bangunan yang dibeli bukan merupakan sebuah kilang untuk tujuan EPS kerana ia tidak digunakan untuk suatu projek yang layak.

Contoh 19

Fakta adalah sama seperti di Contoh 18 kecuali Syarikat R memutuskan untuk menempatkan semula dengan membeli sebuah kilang berdekatan yang lebih besar. Syarikat tidak meningkatkan kapasiti pengeluaran, menambah baik loji atau jentera, atau mempelbagaikan produk-produk syarikat.

Kilang yang lebih besar yang dibeli bukan merupakan sebuah kilang bagi tujuan EPS kerana ia tidak digunakan untuk suatu projek yang layak.

8.2.5 Jika suatu syarikat ditempatkan semula ke kilang lain (yang lebih besar atau lebih kecil atau sama saiz seperti yang sedia ada) dan melakukan perbelanjaan yang layak atas kilang baharu bagi tujuan suatu projek yang layak, syarikat tersebut layak menuntut EPS atas kilang baharu. Perbelanjaan modal yang layak untuk EPS adalah mengikut nisbah keluasan lantai kilang baharu yang digunakan bagi tujuan projek yang layak tersebut yang dikira seperti berikut:

Bahagian kilang (keluasan lantai tambahan) yang digunakan untuk projek yang layak / Keseluruhan keluasan lantai kilang	X	Kos kilang baharu

Contoh 20

Syarikat S telah menjalankan perniagaan pengilangan di kilang milik sendiri di Rawang sejak 2014. Ruang lantai digunakan untuk aktiviti pengilangan ialah 20,000 meter persegi. Pada tahun 2018, syarikat memutuskan untuk menjalankan suatu projek pembesaran yang memerlukan sebuah kilang dengan saiz dua kali ganda daripada yang lama. Syarikat S membeli sebidang tanah di Shah Alam untuk membina kilang baharu dengan keluasan lantai seluas 42,000 meter persegi untuk menjalankan pengilangan dengan kos RM4 juta.

Memandangkan Syarikat S telah menjalankan suatu projek yang layak, maka ia layak untuk EPS atas kilang baharu itu. Walau bagaimanapun, memandangkan kos kilang lama tidak layak untuk EPS, syarikat tidak akan diberi EPS atas keseluruhan kos kilang baharu tetapi hanya atas bahagian kilang baharu yang digunakan untuk projek yang layak. Perbelanjaan yang layak untuk EPS adalah:

$$\frac{42{,}000 - 20{,}000}{42{,}000} \times 100\ \% = 52.38\ \%$$

52.38% X RM4 juta = RM2,095,238

Contoh 21

Syarikat T menjalankan perniagaan pengilangan di sebuah kilang sewa berkeluasan 15,000 meter persegi di Kuala Lumpur semenjak tahun 2011. Pada Mac 2015, syarikat telah mempelbagaikan suatu produk berkaitan dengan mengurangkan pengeluaran bagi produk sedia ada. Bagi tujuan tersebut, syarikat membeli sebidang tanah di Petaling Jaya untuk membina sebuah kilang baharu yang sama saiz dengan kilang yang sedia ada.

Kilang baharu siap dibina pada Jun 2018 dengan kos RM1.2 juta dan hanya RM1 juta daripada jumlah tersebut adalah berkaitan dengan bahagian kilang yang digunakan untuk aktiviti pengilangan. Keluasan lantai yang digunakan untuk pengilangan adalah sama dengan kilang lama yang disewa tetapi hanya 40% daripada keluasan lantai adalah untuk pengilangan produk sedia ada dan 60% untuk produk baharu.

Memandangkan Syarikat T telah menjalankan satu projek yang layak, ia layak untuk EPS atas kilang baharu. Perbelanjaan yang layak untuk EPS adalah:

60% X RM1 million = RM600,000

Contoh 22

Fakta adalah sama seperti di Contoh 21, kecuali Syarikat T tidak membina kilang baharu tetapi membeli kilang yang disewa itu dengan kos RM1 juta. 40% daripada keseluruhan keluasan lantai bangunan kilang digunakan untuk pengilangan produk yang sedia ada dan 60% untuk produk baharu.

Memandangkan Syarikat T telah menjalankan suatu projek yang layak, ia layak untuk EPS atas pembelian kilang baharu. Perbelanjaan yang layak untuk EPS adalah:

60% X RM1 juta = RM600,000

8.3 Loji dan jentera

8.3.1 Maksud loji dan jentera

(a) Loji bermaksud suatu alat yang digunakan berhubung dengan aktiviti pengilangan, yang digunakan secara langsung dalam menjalankan aktiviti itu dalam kilang.

(b) Jentera bermaksud suatu peranti atau alat yang terdiri daripada bahagian tetap dan boleh alih yang sama-sama menjalankan fungsi berhubung dengan aktiviti pengilangan, yang digunakan secara langsung dalam menjalankan aktiviti itu dalam kilang.

(c) Frasa “digunakan secara langsung dalam menjalankan aktiviti pengilangan dalam kilang” bermaksud semasa aktiviti pengilangan, loji dan jentera yang digunakan dalam kilang mesti:

(i) memberikan perubahan dalam bahan untuk membentuk suatu produk yang boleh dijual;
(ii) mempunyai peranan yang aktif atau diperlukan dalam pengilangan produk untuk jualan;

(iii) digunakan dalam pengendalian, penyimpanan atau pengangkutan bahan-bahan atau produk untuk dijual; atau

(iv) digunakan untuk membungkus produk untuk dijual.

Contoh 23

Syarikat U, sebuah syarikat pengilangan yang akaunnya berakhir pada 31 Disember, memulakan sebuah projek pembesaran pada 2018 dan membeli dua forklift untuk tujuan ini. Forklift A digunakan untuk memunggah bahan-bahan mentah dari lori di luar bangunan kilang untuk ditimbang dan diperiksa sebelum diletakkan dalam simpanan. Forklift B digunakan di dalam kilang untuk mengalih bahan-bahan di seluruh talian pengeluaran.

Memandangkan forklift A tidak digunakan di dalam kilang, ia tidak dianggap sebagai sebuah jentera bagi tujuan EPS. Forklift B digunakan di dalam kilang untuk pemindahan bahan-bahan dan produk untuk dijual dan adalah dianggap sebagai sebuah jentera bagi tujuan EPS.

Contoh 24

Fakta yang sama seperti di Contoh 23 dan syarikat pengilangan tersebut juga membeli peralatan komputer yang disambung secara langsung kepada peralatan pengeluaran yang digunakan dalam aktiviti pengeluaran sebenar.

Komputer itu adalah layak untuk EPS kerana ia disambungkan kepada peralatan pengeluaran dan mempunyai peranan yang aktif dan diperlukan dalam aktiviti pengilangan sebenar.

Contoh 25

Fakta yang sama seperti di Contoh 23 dan syarikat melakukan perbelanjaan modal atas kenderaan komersial untuk mengangkut bahan mentah dan produk untuk dijual.

Perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas kenderaan komersial bukan perbelanjaan yang layak untuk tujuan EPS memandangkan kenderaan tersebut tidak digunakan dalam kilang.

8.3.2 Tambahan atau penggantian loji dan jentera

Dalam menjalankan aktiviti pengilangan, sesebuah syarikat berkemungkinan akan membeli loji atau jentera yang baharu sebagai tambahan atau penggantian kepada loji dan jentera sedia ada. Walaubagaimanapun, sekiranya pembelian loji dan jentera bukan untuk suatu projek layak maka, syarikat tidak layak menuntut EPS atas belanja modal yang dilakukan. Ini termasuk penggantian alat atau bahagian jentera sedia ada iaitu syarikat tidak layak menuntut EPS atas perbelanjaan penggantian alat atau bahagian jentera kecuali jika ianya dapat menunjukkan bahawa perbelanjaan modal tersebut akan mengakibatkan pembesaran, pemodenan, pengautomasian atau kepelbagaian perniagaan sedia wujud.

Contoh 26

Fakta yang sama seperti di Contoh 10. Syarikat K menggantikan bahagian jentera sedia ada yang telah usang. Syarikat tidak layak menuntut EPS memandangkan perbelanjaan dilakukan untuk penggantian bahagian-bahagian jentera dan bukan untuk projek yang layak.

8.4 Maksud ‘dilakukan’

Bagi maksud EPS, perkataan **dilakukan** ditakrifkan mengikut perenggan 46 dan 55 Jadual 3 ACP.

8.4.1 Perenggan 46, Jadual 3 ACP merujuk kepada perbelanjaan modal bagi loji atau jentera yang diperoleh di bawah satu perjanjian sewa beli.

8.4.2 Seseorang yang memperoleh loji dan jentera di bawah satu perjanjian sewa beli layak untuk EPS atas bahagian modal bayaran ansuran. EPS akan diberi untuk setiap tahun taksiran jika terdapat pembayaran ansuran sewa beli dengan syarat ia tidak melebihi tempoh kelayakan selama 15 tahun taksiran.

8.4.3 Perenggan 55 Jadual 3 ACP merujuk kepada tarikh perbelanjaan modal dianggap telah dilakukan ke atas bangunan, loji atau jentera. Perbelanjaan modal dianggap telah dilakukan adalah seperti berikut:

(a) bagi sebuah bangunan, pada tarikh bangunan itu siap dibina;

(b) bagi loji atau jentera, pada tarikh loji atau jentera itu **boleh digunakan** dalam perniagaan;

Contoh 27

Syarikat V sebuah syarikat pengilangan sarung tangan getah, mengimport sebuah jentera baharu untuk projek pembesarannya pada bulan Mac 2018. Jentera dipasang dalam kilang pada bulan Mei 2018. Pengeluaran bermula selepas percubaan yang dibuat ke atas jentera yang dipasang dimulakan pada 1.6.2018.Tempoh percubaan jentera dan percubaan pengeluaran adalah selama tiga bulan. Pengeluaran secara komersial bermula pada 1.9.2018, setelah tempoh percubaan pengeluaran tamat pada 31.8.2018.

Jentera tersebut boleh digunakan bagi tujuan perniagaan perkilangan sarung tangan getah pada 1.9.2018. Oleh itu, perbelanjaan modal dianggap dilakukan pada 1.9.2018.

(c) bagi kes lain adalah pada hari yang amaun perbelanjaan kena dibayar; atau

(d) bagi maksud suatu perniagaan yang akan dijalankan oleh seseorang, apabila dia mula menjalankan perniagaan itu.

Contoh 28

Syarikat W, sebuah syarikat pengilangan minuman menjalankan suatu projek pembesaran yang melibatkan pembinaan sebuah kilang baharu dan pemasangan sebuah loji baharu. Pembinaan kilang tersebut meliputi tiga tempoh asas bermula dari tempoh asas berakhir 30.6.2016. Pembinaan kilang siap pada 30.3.2018 dan loji baharu itu dipasang dalam kilang baru tersebut dan boleh digunakan pada 31.5.2018. Perbelanjaan layak yang dilakukan adalah seperti berikut:

Tahun Berakhir	Kilang (RM)	Loji & Jentera (RM)
30.6.2016	400,000	Tiada
30.6.2017	700,000	Tiada
30.6.2018	900,000	500,000
	2,000,000	500,000

Memandangkan kilang dan loji telah disiapkan dan digunakan dalam tempoh asas yang sama berakhir pada 30.6.2018, perbelanjaan modal bagi projek pembesaran dianggap dilakukan dalam tempoh asas yang sama.

Syarikat layak menuntut EPS atas jumlah perbelanjaan modal RM2,500,000 bagi TT 2018.

Contoh 29

Syarikat X (akaun berakhir 31 Disember) memulakan suatuprojek pembesaran dalam tahun 2015 dan memperoleh sebuah mesin baharu secara sewa beli untuk 36 kali ansuran pada Oktober 2015. Syarikat boleh menuntut EPS atas bahagianmodal sewa beli yang dilakukan seperti berikut:

TT	Bilangan Ansuran Dibayar	Bilangan Ansuran yang Layak (Bahagian Modal)
2015	3	3
2016	12	12
2017	12	12
2018	9	9

8.5 Pelupusan Aset

8.5.1 Sesuatu aset adalah **dilupuskan** apabila ia dijual, dipindah hak, dipindah milik, diserah hak, berhenti digunakan atau diberi milik dengan atau tanpa balasan. Suatu aset yang telah berhenti digunakan dalam sesuatu perniagaan termasuk aset yang diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan. Mulai TT 2016, sebaik sahaja suatu aset telah berhenti digunakan, ia akan dianggap sebagai dilupuskan. Dalam kes sebuah kilang, sekiranya terdapat perubahan dalam penggunaan ruang lantai, ruang lantai itu dianggap sebagai berhenti digunakan.

8.5.2 Pelupusan aset dalam tempoh 5 tahun

Apabila sesuatu aset dilupuskan pada bila-bila masa dalam tempoh 5 tahun daripada tarikh pemerolehan aset tersebut, EPS yang telah dituntut akan ditarik balik, tanpa mengambil kirasama ada pelupusan tersebut adalah di antara pihak yang berkaitan atau yang tidak berkaitan.

Dari segi sistem taksir sendiri dan untuk tujuan praktikal, amaun EPS berkaitan akan ditarik balik dalam tahun aset dilupuskan. Berkuat kuasa TT 2015 amaun EPS yang ditarik balik adalah dianggap sebagai sebahagian pendapatan berkanun dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran di mana aset itu dilupuskan. EPS yang ditarik balik harus bersamaan dengan EPS yang telah dituntut dalam tahun taksiran terdahulu dan apa-apa EPS yang tidak digunakan tidak boleh dihantar hadapan.

Contoh 30

Syarikat Y telah menjalankan perniagaan pengilangan perabot kayu sejak tahun 2012 dan menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun. Pada 1.1.2016 syarikat membeli beberapa buah jentera baharu berharga RM200,000 untuk suatu projek yang layak. EPS yang dituntut ke atas aset tersebut dalam TT 2016 adalah RM120,000 (60% x 200,000). Pendapatan berkanun syarikat bagi TT 2016 adalah RM1,100,000. Dalam TT 2018, syarikat mengalami kerugian berjumlah RM60,000 dan menjual jentera itu dalam TT tersebut kepada sebuah syarikat berkaitan.

Memandangkan jentera tersebut dijual dalam tempoh 5 tahun daripada tarikh pemerolehan, EPS yang dituntut akan ditarik balik dalam TT 2018.

Pengiraan pendapatan bercukai untuk TT 2016 hingga 2018 adalah seperti berikut:

TT 2016	**RM**	**RM**
Pendapatan berkanun	1,100,000	
Tolak: Elaun Pelaburan Semula	120,000	
Pendapatan berkanun	980,000	

TT 2017	RM	RM
Pendapatan berkanun	Tiada	(Rugi RM20,000)
Pendapatan berkanun/agregat	Tiada	
Rugi tidak dapat diserap b/h RM20,000		

TT 2018	RM	RM
Pendapatan berkanun	Tiada	(Rugi RM60,000)
Tambah: Elaun Pelaburan Semula ditarik balik	120,000	
Pendapatan berkanun	120,000	
Tolak : Rugi tahun kebelakang	20,000	
	100,000	
Tolak : Rugi tahun kebelakang	60,000	
Pendapatan dikenakan cukai	40,000	

Contoh 31

Fakta adalah sama seperti di Contoh 30 di atas kecuali Syarikat Y mengalami kerugian bagi TT 2016 hingga 2018 berturut-turut dan memutuskan untuk melupuskan aset dalam TT 2018.

Memandangkan EPS yang dituntut atas aset berjumlah RM200,000 tidak digunakan dalam TT 2016 hingga 2018 sebelum aset dilupuskan dalam TT 2018, Syarikat Y tidak boleh memasukkan jumlah EPS sebanyak RM200,000 sebagai sebahagian pendapatan berkanun dalam TT 2018 dan EPS yang tidak digunakan itu tidak boleh dihantar hadapan.

8.5.3 Bagi tujuan Jadual 7A ACP, **pelupusan** tidak termasuk kemusnahan oleh kebakaran, banjir atau lain-lain bencana alam yang sedemikian. EPS yang telah dituntut untuk aset yang dimusnahkan dalam keadaan sedemikian tidak akan ditarik balik.

8.6 Pemindahan terkawal

8.6.1 Jika aset diperoleh daripada pihak berkaitan, peruntukan **pemindahan terkawal** di bawah perenggan 1B Jadual 7A ACP akan terpakai. Jika pelupus telah melakukan perbelanjaan modal atas aset bagi maksud suatu projek yang layak yang mana EPS dituntut, dan aset itu kemudiannya dilupuskan, pemeroleh tidak layak menuntut EPS atas aset itu.

8.6.2 Transaksi pemindahan terkawal berlaku di bawah keadaan berikut:

(a) pelupus aset adalah orang yang berada di bawah kawalan pemeroleh aset;

(b) pemeroleh aset adalah orang yang berada di bawah kawalan pelupus aset;

(c) orang lain mempunyai kawalan secara langsung atau tidak langsung ke atas pelupus dan pemeroleh aset; atau

(d) pemerolehan dilakukan akibat daripada suatu skim penyusunan semula atau penggabungan syarikat.

Aset ertinya sebuah kilang, loji atau jentera yang dirujuk di perenggan 1 Jadual 7A ACP. Dalam kes sesuatu projek pertanian, aset bermaksud suatu loji, jentera atau bangunan yang dirujuk dalam definisi **perbelanjaan modal** di perenggan 9 Jadual yang sama.

Kawalan berhubung dengan sebuah syarikat bermaksud kuasa seseorang untuk menjamin, melalui pemegangan saham atau pemilikan kuasa mengundi dalam atau berhubung dengan syarikat itu atau mana-mana syarikat lain, atau atas sebab apa-apa kuasa yang diberikan melalui artikel persatuan atau apa-apa dokumen lain yang mengawal selia syarikat itu atau mana-mana syarikat lain, bahawa urusan syarikat yang pertama disebut itu dijalankan menurut kehendak orang itu.

8.6.3 Walau bagaimanapun, sekiranya pelupus memperoleh aset yang bukan untuk tujuan suatu projek yang layak dan aset itu kemudiannya dilupuskan kepada sebuah syarikat berkaitan, pemeroleh layak menuntut EPS ke atas aset yang sama jika aset itu digunakan untuk suatu projek yang layak. Perbelanjaan modal yang layak untuk EPS bagi pemeroleh berhubung dengan aset tersebut adalah nilai pasaran aset pada tarikh pemerolehan.

Peruntukan pemindahan terkawal tidak akan menganggap amaun yang dibayar kepada syarikat berkaitan sebagai perbelanjaan modal yang dilakukan.

8.6.4 Di mana sebuah syarikat memperoleh sesuatu aset untuk suatu projek yang layak tetapi tidak menuntut EPS ke atas perbelanjaan modal yang layak atas sebab syarikat memilih menuntut suatu insentif yang saling eksklusif dan kemudiannya melupuskan aset tersebut melalui transaksi pemindahan terkawal, pemeroleh layak menuntut EPS ke atas perbelanjaan modal yang layak bagi aset tersebut jika ianya digunakan dalam suatu projek yang layak oleh pemeroleh. Perbelanjaan modal yang layak adalah perbelanjaan bakian aset.

Contoh 32

Syarikat Z menjual sebuah mesin kepada syarikat B1, sebuah syarikat berkaitan dengan harga RM150,000 pada 1.7.2018. Syarikat B1 telah menggunakan mesin itu untuk suatu projek yang layak. Kedua-dua syarikat menutup akaun pada 31 Disember. Walaupun Syarikat Z layak menuntut EPS ke atas mesin itu pada masa pembelian pada 2.6.2016 dengan harga RM200,000 kerana mesin itu diperoleh untuk suatu projek yang layak, Syarikat Z tidak berbuat demikian kerana syarikat telah diberi suatu insentif yang saling eksklusif dengan EPS.

Dalam kes ini, Syarikat B1 layak menuntut EPS ke atas mesin itu. Perbelanjaan modal yang layak untuk syarikat B1 adalah perbelanjaan bakian aset seperti ditentukan di bawah Jadual 3 ACP 1967.

Syarikat Z	**RM**	**RM**
Kos mesin		200,000
TT 2016		
Elaun Permulaan (20%)	40,000	
Elaun Tahunan (14%)	28,000	68,000
Perbelanjaan baki		132,000
TT 2017		
Elaun Tahunan		28,000
Perbelanjaan baki		104,000

Perbelanjaan modal yang layak bagi Syarikat B1 adalah perbelanjaan bakian iaitu RM104,000.

9 Tempoh yang Layak

9.1 Sebuah syarikat layak menuntut EPS selama 15 tahun taksiran berturut-turut.

9.2 Sebuah syarikat hendaklah membuat tuntutan untuk EPS dalam borang nyata cukai pendapatan (BNCP) dan tempoh yang layak selama 15 tahun taksiran berturut-turut bermula dari tahun taksiran pertama syarikat itu membuat tuntutan.

9.3 Sebelum tahun taksiran 1998 (tahun kewangan berakhir 1997), EPS telah dibenarkan hanya bagi tahun taksiran yang mana perbelanjaan yang layak telah dilakukan dan EPS diberi berasaskan tahun ke tahun.

Konsep tempoh yang layak telah diperkenalkan dan berkuat kuasa mulai TT 1998. Syarikat yang telah dibenarkan EPS sebelum TT 1998 layak menuntut EPS untuk suatu tempoh kelayakan baharu iaitu 15 tahun taksiran bermula dari TT 1998.

Senario 1 – Perbelanjaan Yang Layak (PYL) dilakukan pertama kali sebelum TT 1998



Jika syarikat pertama kali melakukan PYL untuk suatu projek yang layak dalam TT 1994, maka TT 1994 bukan sebahagian daripada tempoh 15 tahun taksiran. Tempoh kelayakan dikira mulai TT 1998.

Senario 2 – PYL dilakukan pertama kali dalam TT 2002



Sekiranya syarikat mula **melakukan** PYL dalam TT 2002, tempoh kelayakan 15 tahun taksiran dikira mulai TT 2002.

Senario 3 – PYL dilakukan dalam TT 2014 dan TT 2015 tetapi EPS dituntut pertama kali dalam TT 2015



Sekiranya syarikat melakukan PYL dalam TT 2014 untuk suatu projekyang layak tetapi tiada tuntutan dibuat, dan memilih untuk membuat**tuntutan** pertama hanya dalam TT 2015, tempoh 15 tahun taksiran yang layak dikira mulai TT 2015.

Contoh 33

Syarikat AA (akaun berakhir pada 31 Disember) mengusahakan suatu projek yang layak dalam tahun 2017 dan melakukan perbelanjaan layak sebanyak RM100,000 dalam tahun 2017 dan RM1.5 juta dalam tahun 2018. Syarikat memutuskan untuk tidak menuntut EPS bagi TT 2017 tetapi membuat tuntutan hanya dalam BNCP untuk TT2018.

Oleh itu, perbelanjaan yang layak RM100,000 yang dilakukan dalam tahun 2017 dilepaskan untuk tujuan EPS. Tempoh kelayakan selama 15 tahun taksiran berturut-turut bermula dari TT 2018 hingga TT 2032.

9.4 EPS diberikan untuk suatu tahun taksiran. Jika tempoh kelayakan selama 15 tahun taksiran berturut-turut telah bermula dan syarikat ingin menikmati suatu insentif yang saling eksklusif untuk mana-mana tempoh masa semasa tempoh kelayakan, maka tempoh tersebut akan luput dan syarikat akan menikmati EPS bagi baki tempoh kelayakan tersebut.

Contoh 34

Syarikat BB (akaun berakhir pada 31 Disember) mula melakukan perbelanjaan yang layak dan menuntut EPS atas perbelanjaan modal bagi tujuan suatu projek yang layak dalam tahun 2009. Tempoh kelayakan selama 15 tahun taksiran berturut-turut bermula dalam TT2009 dan akan berakhir dalam TT 2023. Syarikat telah diberikan taraf perintis untuk satu produk digalakkan bagi tempoh 1.7.2013 hingga 30.6.2018.

Memandangkan syarikat telah menikmati taraf perintis bagi TT 2013 hingga 2018, tempoh itu akan luput dan syarikat hanya boleh terus menikmati EPS bagi TT 2019 hingga 2023.



9.5 Jika sebuah syarikat telah pertama kali membuat tuntutan untuk EPS semasa tempoh kelayakan 15 tahun taksiran berturut-turut dan tempoh kelayakan berakhir dalam tahun sebelum TT 2015 atau dalam TT 2015, syarikat berhak membuat tuntutan EPS Tambahan berkaitan perbelanjaan modal yang dilakukan bagi suatu projek yang layak yang dijalankan dalam tempoh asas TT 2016 sehingga 2018 seperti berikut:

TT (Tempoh Insentif EPS 15 TT Berturutan Tamat)	**TT (Tempoh Layak untuk EPS Tambahan)**
TT 2015 atau sebelum	TT 2016, 2017 dan 2018
TT 2016	TT 2017 dan 2018
TT 2017	TT 2018

Nota:

Dalam keadaan di mana loji dan jentera dibeli melalui perjanjian sewa beli (seperti mana yang diterangkan dalam perenggan 8.4.2 Ketetapan Umum ini) syarikat boleh menuntut tuntutan lanjut untuk EPS berkaitan bahagian modal bayaran ansuran yang dilakukan bagi projek yang layak dijalankan dalam tempoh asas TT 2016 sehingga 2018.

9.6 Syarikat boleh membuat tuntutan EPS tambahan di bawah pakej PENJANA (EPS PENJANA) bagi tempoh asas TT 2020 sehingga TT 2024 sekiranya ia memenuhi semua syarat-syarat berikut:

9.6.1 Syarikat telah melakukan perbelanjaan yang layak bagi projek pengilangan atau aktiviti pertanian seperti yang dinyatakan dalam Jadual 7A;

9.6.2 Tempoh tuntutan EPS untuk 15 tahun telah tamat dan / atau;

9.6.3 Tempoh tuntutan 3 tahun taksiran bagi EPS Tambahan bagi tahun taksiran 2016 hingga 2018 telah tamat.

9.7 Tuntutan EPS PENJANA berkaitan perbelanjaan modal yang dilakukan bagi suatu projek yang layak yang dijalankan dalam tempoh asas tahun taksiran 2020 sehingga 2024 adalah seperti berikut:

TT (Tempoh Insentif EPS bagi 15 Tahun Berturutan dan EPS Tambahan Tamat)	**TT (Tempoh Layak untuk untuk Tuntutan EPS PENJANA)**
2019 atau sebelum	2020, 2021, 2022, 2023 dan 2024
2020	2021, 2022, 2023 dan 2024
2021	2022, 2023 dan 2024
2022	2023 dan 2024
2023	2024

Contoh 35

NS Chemical Sdn Bhd sebuah syarikat pengilangan produk kimia telah menuntut EPS dan telah tamat tempoh 15 tahun pada tahun taksiran 2016. Syarikat juga telah menuntut EPS Tambahan bagi tahun taksiran 2017 dan 2018. Syarikat boleh membuat tuntutan EPS Tambahan di bawah pakej PENJANA (EPS PENJANA) bagi perbelanjaan modal yang dilakukan bagi suatu projek yang layak bagi tempoh asas TT 2020 sehingga TT 2024.



Contoh 36

Alpa Medical Sdn Bhd sebuah syarikat pengilangan produk peralatan perubatan telah menuntut EPS mulai TT 2008 dan tempoh 15 tahun berakhir pada TT 2022. Syarikat hanya boleh membuat tuntutan EPS PENJANA untuk dua tahun taksiran sahaja iaitu TT 2023 dan TT 2024 sekiranya perbelanjaan modal dilakukan ke atas suatu projek yang layak bagi tempoh tersebut.



10 Layanan Cukai

10.1 Sebuah syarikat yang layak boleh menuntut suatu amaun EPS yang bersamaan dengan 60% daripada perbelanjaan modal yang dilakukan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.

10.2 EPS ditolak daripada pendapatan berkanun perniagaan tetapi terhad kepada 70% daripada pendapatan berkanun.

Contoh 37

Syarikat CC memulakan perniagaan pengilangan perabot pada 1.1.2015 di sebuah kilang di Muar, Johor. Pada 10.6.2018, syarikat melakukan perbelanjaan modal sebanyak RM200,000 untuk beberapa buah jentera bagi tujuan suatu projek yang layak. Syarikat menutup akaun pada 31 Disember. Pendapatan berkanun perniagaan untuk TT 2018 adalah RM150,000. Syarikat CC tidak mempunyai pendapatan lain.

Pengiraan EPS untuk TT 2018 adalah seperti berikut:

	RM
Pendapatan berkanun	150,000
Tolak: EPS (60% X 200,000 = 120,000)	
EPS terhad kepada (70% X 150,000)	105,000

Pendapatan dikenakan cukai	45,000

EPS tidak dapat diserap dibawa hadapan RM15,000

10.3 Pendapatan berkanun yang dirujuk dalam perenggan 10.2 adalah amaun pendapatan berkanun seseorang daripada suatu punca berhubung dengan projek yang layak yang berkaitan.

Contoh 38

Aktiviti perniagaan Syarikat DD adalah penjualan produk kosmetik berjenama Amy (A) dan Bernie (B). Syarikat DD mengilang jenama A manakala ia mengimport jenama B daripada Korea.

Syarikat menjalankan projek pemodenan untuk mengilang jenama A dan melakukan perbelanjaan modal RM160,000 atas jentera bagi maksud tersebut. Akaun Untung dan Rugi Syarikat DD bagi TT 2018 adalah seperti di bawah:

	Jenama A RM	**Jenama B RM**	**Jumlah RM**
Jualan	600,000	400,000	1,000,000
Tolak:			
Kos Jualan	300,000	250,000	550,000
Untung Kasar	300,000	150,000	450,000
Tolak:			
Belanja Operasi			200,000
Untung Bersih Sebelum Cukai			**250,00**
Elaun Modal Dituntut –			
Khusus untuk pengilangan produk jenama A:		79,000	
Aset Bersama		21,000	
		100,000	

Pengiraan pendapatan berkanun dan EPS bagi jenama A dan B, dan pendapatan bercukai bagi TT 2017 adalah seperti berikut:

	RM	RM
Untung bersih seperti dalam akaun	250,000	
Tambah:		
Perbelanjaan tidak dibenarkan	50,000	
Pendapatan larasan		300,000
Tolak:		
Elaun Modal		100,000
Pendapatan berkanun		200,000

Pengiraan Pendapatan Berkanun Jenama B:	**RM**
Pendapatan larasan X Kos Jualan Jenama B / Kos Jualan Jenama A & B	
RM300,000 X RM250,000 / RM550,000	136,364
Tolak:	
Bahagian EM atas asset guna sama	
RM21,000 X RM250,000 / RM550,000	9,545
Pendapatan Berkanun Jenama B	**126,819**
Pengiraan Pendapatan Berkanun Jenama A:	
(Jumlah pendapatan berkanun A dan B – Pendapatan berkanun Jenama B) RM200,000 – RM126,819	73,181
Tolak:	
EPS (60% X RM160,000 = RM96,000)	

Terhad kepada 70% daripada RM73,181	51,227
(EPS tidak dapat diserap di hantar ke hadapan RM44,773)	
Pendapatan berkanun Jenama A	**RM21,954**

Pendapatan Dikenakan Cukai (Pendapatan berkanun Jenama A + Pendapatan berkanun Jenama B)	**RM148,773**

Nota

Kos jualan adalah asas yang boleh diterima dalam menentukan bahagian pendapatan berkanun berhubung dengan pengilangan barangan. Asas pembahagian lain yang adil dan munasabah dalam menentukan pendapatan berkanun boleh digunakan selagi ia digunakan secara konsisten.

10.4 EPS boleh ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun jika suatu projek yang layak telah mencapai tahap produktiviti yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan (MK). Tahap produktiviti akan diukur dengan menggunakan satu nisbah Kecekapan Proses (KP) seperti yang ditunjukkan di Lampiran B dan hendaklah dibandingkan dengan tahap yang ditetapkan oleh MK untuk tahun taksiran yang sama.

Peratusan pendapatan berkanun yang boleh digunakan untuk tolakan EPS adalah diringkaskan seperti berikut:

Aktiviti Syarikat/Orang	**Peratusan Pendapatan Berkanun yang Boleh Ditolak**	
Pengilangan	KP tidak tercapai	KP tercapai
	70%	100%
Pertanian	70%	Tidak berkenaan

10.5 EPS tidak diserap

10.5.1 Apa-apa EPS yang tidak dapat diserap dalam suatu tahun taksiran disebabkan sekatan terhadap elaun 70% daripada pendapatan berkanun atau disebabkan kekurangan atau ketiadaan

pendapatan berkanun bagi suatu perniagaan (iaitu aktiviti pengilangan atau pertanian) yang menjalankan suatu projek yang layak boleh dihantar hadapan ke tahun-tahun taksiran berikutnya.

10.5.2 EPS yang tidak diserap ini boleh ditolak daripada 70% daripada pendapatan berkanun perniagaan itu dalam tahun-tahun taksiran berikutnya.

10.5.3 Dalam kes di mana EPS tahun semasa ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun, amaun EPS dibawa hadapan juga akan ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun projek yang layak.

10.5.4 Sebuah syarikat yang telah mencapai tahap produktiviti yang ditetapkan bagi sesuatu tahun taksiran, EPS bagi tahun taksiran tersebut ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun projek yang layak. Sekiranya, pendapatan berkanun tidak mencukupi untuk menyerap amaun EPS tersebut, maka amaun yang tidak dapat diserap dihantar hadapan ke tahun-tahun taksiran berikut dan akan ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun projek yang layak. Walau bagaimanapun EPS tersebut boleh ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun projek yang layak dalam tahun berkenaan sekiranya syarikat mencapai tahap produktiviti.

Contoh 39

Aktiviti utama Syarikat EE adalah pengilangan barangan plastik dan pada TT 2018, Syarikat EE membeli sebuah loji dan jentera bernilai RM400,000 untuk projek pembesaran. Nisbah KP syarikat untuk Tahun 2018 adalah 1.51 sementara tahap yang ditetapkan oleh MK untuk sektor berkaitan untuk Tahun 2018 ialah 1.45. Bagi Tahun 2019, nisbah KP syarikat adalah 1.62 berbanding 1.54, tahap yang ditetapkan oleh MK untuk sektor berkaitan.

TT 2018	**RM**	**RM**	**RM**
Pendapatan berkanun		200,000	
Tolak:			
EPS semasa (400,000 X 60%)	240,000		
EPS yang dibenarkan untuk ditolak (100% X 200,000)		200,000	

Pendapatan dikenakan cukai	**Nil**	
EPS h/h (240,000 – 200,000)		40,000

TT 2019	**RM**	**RM**
Pendapatan berkanun		150,000
Tolak:		
EPS b/h yang dibenarkan untuk diserap (100% X 150,000)		40,000
Pendapatan dikenakan cukai		**110,000**

Nota:

Sekiranya nisbah KP syarikat EE pada tahun 2019 adalah kurang daripada tahap yang ditetapkan oleh MK, EPS b/h hanya boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun projek yang layak dalam TT 2019.

Contoh 40

Fakta sama seperti contoh 39, melainkan nisbah KP adalah 1.32 lebih rendah daripada tahap yang ditetapkan oleh MK. EPS b/h hanya boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun projek yang layak dalam TT 2019.

TT 2019	**RM**	**RM**
Pendapatan berkanun	50,000	
Tolak:		
EPS b/h yang dibenarkan untuk diserap (70% X 50,000)	35,000	
Pendapatan dikenakan cukai	**15,000**	
EPS h/h (40,000 – 35,000)		5,000

10.5.5 Sebelum TT 2019, baki EPS yang tidak dapat diserap akan dihantar ke hadapan untuk diserap dalam tahun taksiran berikutnya sehingga ianya dapat diserap sepenuhnya. Namun, mulai TT 2019, baki EPS yang tidak dapat diserap hanya boleh dibenarkan untuk di hantar ke hadapan untuk diserap sehingga tempoh maksimum tujuh (7) tahun taksiran berturut-turut setelah tempoh kelayakan tamat. Sekiranya masih terdapat baki EPS yang tidak dapat diserap pada akhir tahun taksiran ke tujuh (7), amaun tersebut akan diabaikan.

Contoh 41

Perniagaan Syarikat FF adalah pengilangan makanan sejuk beku. Syarikat telah membuat tuntutan EPS buat kali pertama dalam TT 2005. Oleh itu tempoh kelayakan EPS bermula dari TT 2005 hingga TT 2019. Dalam TT 2018, syarikat membeli loji dan jentera yang berharga RM300,000 untuk projek layak (pemodenan) dan pada masa yang sama mempunyai baki EPS bawa hadapan sebanyak RM2,700,000.

Pengiraan pendapatan yang dikenakan cukai untuk syarikat bagi TT 2018 dan 2019 adalah seperti berikut:

TT 2018	**RM**	**RM**	**RM**
Pendapatan berkanun		100,000	
Tolak:			
EPS tahun semasa (300,000 X 60%)	180,000		
EPS b/h	2,700,000		
	2,880,000		
Terhad kepada (70% X			
100,000)		70,000	

Pendapatan dikenakan cukai		30,000	
EPS h/h (2,880,000 – 70,000)			2,810,000

TT 2019	**RM**	**RM**	**RM**
Pendapatan berkanun		300,000	
Tolak: EPS b/h – RM2,810,000			
Terhad kepada (70% X 300,000)		210,000	
Pendapatan dikenakan cukai		70,000	
EPS h/h (2,810,000 –210,000)			2,600,000

Nota:

EPS yang tidak dapat diserap dalam TT 2019 sebanyak RM2,600,000 boleh dibawa ke hadapan untuk diserap sehingga TT 2026 (tempoh tahun ke 7). Sebarang baki EPS yang belum diserap dalam TT 2026 akan diabaikan dalam TT 2027.

10.5.6 Bagi syarikat yang masih mempunyai baki EPS yang tidak dapat diserap dalam TT 2018 walaupun tempoh kelayakan EPS (15 tahun) telah tamat, baki EPS ini dibenarkan di bawa ke hadapan untuk diserap dalam TT 2019 dan tahun taksiran seterusnya sehingga TT 2025 (tempoh tahun ke 7).

Contoh 42

Perniagaan Syarikat GG adalah pengilangan makanan sejuk beku. Syarikat GG menuntut EPS buat kali pertama dalam TT 2001. Sehubungan itu tempoh kelayakan akan tamat dalam TT 2015. Dalam TT 2018, syarikat GG mempunyai baki EPS bawa hadapansebanyak RM2,700,000. Pengiraan cukai syarikat bagi TT 2018 hingga 2021 adalah seperti berikut:

TT 2018	**RM**	**RM**	**RM**
Pendapatan berkanun perniagaan		700,000	
Tolak:			
EPS b/h Terhad kepada (70% X 700,000)	2,700,000	490,000	2,210,000 (EPS b/h)
Pendapatan dikenakan cukai		210,000	
TT 2019			
Pendapatan berkanun perniagaan		1,000,000	
Tolak:			
EPS b/h Terhad kepada (70% X 1,000,000)	2,210,000	700,000	1,510,000 (EPS b/h)
Pendapatan dikenakan cukai		300,000	
TT 2020			
Pendapatan berkanun perniagaan		2,000,000	
Tolak:			
EPS b/h Terhad kepada (70% X 2,000,000)	1,510,000	1,400,000	110,000 (EPS b/h)
Pendapatan dikenakan cukai		600,000	
TT 2021			
Pendapatan berkanun perniagaan		2,000,000	
Tolak:			
EPS b/h		110,000	
Pendapatan dikenakan cukai		1,890,000	

Nota:

EPS yang tidak dapat diserap dalam TT 2018 hanya dibenarkan di bawa ke hadapan untuk diserap sehingga TT 2025 (tahun ke 7). Dalam kes di atas, Syarikat GG berupaya menjana pendapatan berkanun yang boleh menyerap EPS sehingga TT 2021. Oleh itu, tiada amaun EPS yang diabaikan.

Sekiranya Syarikat GG tidak menjana pendapatan berkanun yang mencukupi untuk menyerap baki amaun EPS yang yang tidak diserap dalam TT 2019 hingga TT 2025, maka baki amaun EPS yang tidak dapat diserap akan diabaikan dalam TT 2026.

10.5.7 Baki EPS PENJANA yang tidak dapat diserap hendaklah dikira berasingan daripada baki EPS yang tidak dapat diserap. Baki EPS PENJANA yang tidak dapat diserap hanya boleh dibenarkan untuk dihantar ke hadapan untuk diserap sehingga maksimum 7 tahun taksiran berturut-turut setelah tempoh kelayakan EPS PENJANA tamat iaitu pada TT 2024. Pengiraan tempoh 7 tahun bagi amaun EPS PENJANA belum serap terkumpul bermula daripada TT2025. Sekiranya terdapat baki EPS PENJANA yang tidak dapat diserap pada akhir TT 2031, amaun tersebut akan diabaikan.

Contoh 43

Hartawan Segera Sdn Bhd menjalankan aktiviti pembuatan sarung tangan getah. Syarikat telah membuat perbelanjaan modal bagi aktiviti yang layak dan telah menuntut EPS bagi aktiviti tersebut mulai TT 2005 dan tempoh tuntutan EPS tersebut berakhir pada TT 2019. Syarikat mempunyai baki EPS yang belum diserap pada TT 2019. Sekiranya Hartawan Segera Sdn Bhd melakukan perbelanjaan layak bagi projek yang layak pada TT 2020 sehingga TT 2024, ia layak menuntut EPS PENJANA bagi tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, bagi tujuan pengiraan baki EPS yang belum diserap, ia hendaklah dikira berasingan daripada EPS PENJANA.

Sekatan 7 tahun baki EPS belum diserap, bagi tuntutan EPS yang berakhir pada TT 2019 akan bermula pada TT 2020 dan akan berakhir pada TT 2026. Sebarang baki EPS yang tidak dapat diserap pada TT 2026 akan diabaikan pada TT 2027.

Manakala bagi EPS PENJANA pula, sekatan 7 tahun baki EPS PENJANA belum serap akan bermula pada TT 2025 dan berakhir pada TT 2031. Sebarang baki EPS PENJANA yang tidak diserap pada TT 2031 akan diabaikan bermula TT 2032.

Ilustrasi tempoh tuntutan EPS Hartawan Segera Sdn Bhd adalah seperti di bawah:



Contoh 44

Cold Blue Sdn Bhd adalah syarikat pengilangan makanan sejuk beku. Cold Blue Sdn Bhd menuntut EPS buat kali pertama dalam TT 2003. Sehubungan itu tempoh tuntutan EPS tamat pada TT 2017.

Dalam TT 2020, Cold Blue Sdn Bhd mempunyai baki EPS belum diserap sebanyak RM1,860,000. Syarikat menuntut EPS PENJANA bagi TT 2022 dan TT 2023 ke atas perbelanjaan bagi projek yang layak seperti berikut:

Tahun Taksiran	Perbelanjaan Modal Yang Layak
2022	RM 500,000
2023	RM 1,000,000

Pengiraan baki EPS belum diserap hendaklah dikira berasingan daripada EPS PENJANA. Pengiraan cukai syarikat bagi TT 2020 hingga 2024 adalah seperti berikut:

BUTIRAN	RM	RM	EPS H/H (RM)	
			15 THN	PENJANA
TT 2020				
Pendapatan Berkanun Perniagaan		1,000,000		
Tolak:				
EPS 15 Tahun b/h			1,860,000	
EPS dibenarkan untuk ditolak (terhad) [70% x 1,000,000]		(700,000)	1,160,000	
Pendapatan Bercukai		300,000		
TT 2021				
Pendapatan Berkanun Perniagaan		500,000		
Tolak:				
EPS 15 Thn b/h	1,160,000			
EPS dibenarkan untuk ditolak (terhad) [70% x 500,000]		(350,000)	810,000	
Pendapatan Bercukai		150,000		
TT 2022				
Pendapatan Berkanun Perniagaan		1,000,000		
Tolak:				
EPS PENJANA tahun semasa [500,000 x 60%)	300,000			
EPS dibenarkan untuk ditolak (terhad) [70% x 1,000,000]		(300,000)		
EPS 15 Thn b/h	810,000			
EPS dibenarkan untuk ditolak (terhad) [70% x 1,000,000]		(400,000)	410,000	
Pendapatan Bercukai		300,000		

BUTIRAN	RM	RM	EPS H/H (RM)	
			15 THN	PENJANA
TT 2023				
Pendapatan Berkanun Perniagaan		400,000		
Tolak: EPS PENJANA tahun semasa [1,000,000 x 60%)	600,000			
EPS dibenarkan untuk ditolak (terhad) [70% x 800,000]		(280,000)		320,000
EPS 15 Thn b/h			410,000	
Pendapatan Bercukai		120,000		
TT 2024				
Pendapatan Berkanun Perniagaan		500,000		
Tolak: EPS 15 Thn b/h	410,000			
EPS dibenarkan untuk ditolak (terhad) [70% x 500,000]		(350,000)	60,000 (1)	
EPS PENJANA b/h				320,000 (2)
Pendapatan Bercukai		120,000		

Nota:

1. Baki EPS 15 tahun b/h (EPS 15 tahun tamat pada TT2024) yang tidak dapat diserap dalam TT 2024 (Tahun ke 7) berjumlah RM60,000 akan diabaikan mulai TT 2025.

2. Baki EPS PENJANA b/h sebanyak RM320,000 akan dibawa ke hadapan dan diserap sehingga TT2025. Sekiranya EPS PENJANA b/h ini masih belum dapat diserap dalam TT 2025 (Tahun 1), EPS PENJANA b/h ini dibenarkan untuk dibawa ke hadapan untuk diserap sehingga TT 2031 (Tahun ke 7). Sebarang EPS PENJANA yang tidak dapat diserap dalam TT 2031 akan diabaikan pada TT 2032.

10.5.8 Jika aktiviti pengilangan tamat dalam suatu tahun taksiran, apa-apa EPS tidak diserap yang di bawa hadapan tidak boleh ditolak daripada pendapatan berkanun syarikat tersebut.

Contoh 45

Fakta adalah sama seperti di Contoh 38. Syarikat DD memberhentikan pengilangan jenama A pada 1.1.2018 dan hanya mengimport jenama B untuk jualan. Bagi tujuan contoh ini, projek layak bagi pengilangan jenama A telah dilaksanakan lebih 5tahun.

Baki EPS berjumlah RM44,773 tidak boleh di bawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan berkanun syarikat bagi TT 2018 dan tahun taksiran berikutnya memandangkan pengilangan telah tamat pada 1.1.2018. Oleh itu, baki EPS tersebut adalah diabaikan.

10.6 Sebuah syarikat boleh menuntut EPS bagi lebih daripada satu projek yang layak bagi tahun taksiran yang sama.

Contoh 46

Fakta yang sama seperti di Contoh 10 dan Syarikat K melabur dengan membeli sebuah jentera robot untuk kerja-kerja mengimpal dan

menyembur yang dahulunya dilakukan secara manual. Syarikat K layak untuk EPS memandangkan ia menjalankan 2 projek yang layak iaitu pembesaran dan pengautomasian bagi perniagaan pengilangan komponen kereta. Syarikat K boleh menuntut EPS sehingga 70% daripada pendapatan berkanun perniagaan itu berkaitan dengan projek yang layak masing- masing.

11 Layanan Cukai Khas Semasa Tempoh Peralihan

Terdapat beberapa konsesi layan cukai yang dibenarkan semasa tempoh peralihan berikutan perubahan dalam peruntukan undang-undang berkaitan tuntutan EPS.

Bil.	Perkara	Undang-Undang Semasa	Konsesi
1	Takrifan projek yang layak	Mulai TT 2009, takrifan projek yang layak tidak termasuk pemprosesan suatu produk atau produk berkaitan dalam industri yang sama	Sekiranya suatu syarikat yang terlibat dalam aktiviti pemprosesan telah membuat tuntutan pertama untuk EPS sebelum TT 2009, syarikat tersebut boleh terus menuntut EPS sehingga akhir tempoh kelayakan 15 tahun taksiran.
2	Takrifan pengilangan	Mulai TT 2009, takrifan pengilangan telah diperkenalkan. Sebagai tambahan kepada pengenalan takrifan pengilangan dalam undang-undang semasa, Menteri juga boleh menetapkan apa-apa aktiviti, walau apa pun tafsiran pengilangan. Sebagai contoh, suatu senarai aktiviti yang dikecualikan seperti dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan [Penetapan Aktiviti Yang Dikecualikan Daripada Takrif Pengilangan] 2012 - P.U.(A) 23 (Lampiran A). KaedahKaedah ini disifatkan telah berkuat	Sekiranya sebuah syarikat yang terlibat dalam aktiviti pengilangan sebelum TT 2009 dan telah membuat tuntutan pertama untuk EPS sebelum TT 2009, syarikat tersebut boleh terus menuntut EPS sehingga akhir tempoh kelayakan 15 tahuntaksiran walaupun aktiviti tersebut tidak termasuk dalam takrifan pengilangan untuk tujuan EPS dan merupakan aktiviti yang dikecualikan di bawah senarai yang ditetapkan oleh Menteri dalam Lampiran A. Memandangkan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan tersebut hanya dikeluarkan pada 9.1.2012, konsesi telah diberi di mana tuntutan EPS yang dibuat untuk TT 2009 hingga 2011

		kuasa mulai TT 2009.	dibenarkan walaupun EPS adalah bagi aktiviti pengilangan yang kemudiannya merupakan suatu aktiviti yang disenaraikan di Lampiran A. EPS tidak akan dibenarkan bagi aktiviti yang sama mulai TT 2012 dan seterusnya. Walau bagaimanapun mana-mana EPS tidak diserap boleh dihantar hadapan ke TT 2012 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.
3	Had Tempoh masa untuk EPS yang tidak dapat diserap	Mulai TT 2019, mana-mana EPS yang tidak dapat diserap hanya boleh dihantar ke hadapan untuk diserap dalam tahun taksiran berikutnya untuk tempoh maksimum tujuh (7) tahun berturut-turut setelah tamat tempoh EPS yang layak. Baki EPSyang tidak dapat diserap pada akhir tahun taksiran ke-tujuh (7) akandiabaikan.	Bagi syarikat yang masih mempunyai baki EPS yang tidak dapat diserap dalam TT 2018, baki EPS ini dibenarkan untuk di hantar ke hadapan untuk tempoh maksimum tujuh (7) tahun bermula TT 2019 walaupun tempoh kelayakan EPS (15 tahun) telah tamat. Selepas TT 2025, sebarang baki EPS yang tidak dapat diserap akan diabaikan.
4	Insentif yang saling eksklusif	EPS tidak terpakai kepada sebuah syarikat bagi tempoh di mana syarikat diberi atau menikmati insentif seperti disenaraikan di subperenggan 12.1 di bawah.	Bagi sebuah syarikat yang mempunyai EPS bawa hadapan dari tahun taksiran sebelumnya, syarikat itu tidak terhalang daripada menuntut apa-apa insentif yang saling eksklusif. Elaun tahun semasa mesti ditolak sebelum menolak EPS yang di bawa hadapan daripada tahun sebelum.

12 Ketidakpakaian

12.1 Mulai TT 2011, dengan perubahan daripada **tempoh** kepada **tempoh asas** dalam perenggan 7(a) hingga 7(e) Jadual 7A ACP, sebuah syarikat hanya layak menuntut EPS dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, selepas berakhir tempoh asas bagi tahun taksiran itu, di mana syarikat telah diberi atau menikmati insentif berikut:

(a) Taraf perintis di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 (APP);

(i) sebuah syarikat yang diberi taraf perintis di bawah APP dan sedang memohon atau berhasrat untuk memohon suatu sijil perintis; atau

(ii) sebuah syarikat yang diberi taraf sijil perintis di bawah APP dan tempoh perintis belum tamat;

(b) Elaun Cukai Pelaburan (ECP) di bawah APP

(i) sebuah syarikat yang diberi ECP dan tempoh ECP belumtamat; atau

(ii) sebuah syarikat yang diluluskan ECP dan belum lagi menyerahkan kelulusan ECP;

(c) Insentif di bawah Akta Galakan Pelaburan 1968 (AGP)

(i) kelulusan galakan taraf perintis, galakan penggunaan buruh atau penempatan dan kredit cukai pelaburan (KCP) di bawah AGP dan tempoh pelepasan cukai belum tamat; atau

(ii) kelulusan KCP di bawah AGP dan telah melakukan perbelanjaan modal yang layak untuk KCP

walaupun AGP telah dimansuhkan;

(d) Elaun pelarasan perindustrian di bawah APP berhubung dengan suatu aktiviti pengilangan atau produk pengilangan (kelulusan diberi sebelum berkuat kuasanya seksyen 27 Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2007 [Akta A1318];

(e) Relif kumpulan untuk syarikat di bawah seksyen 44A ACP;

(f) Potongan di bawah mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 154 ACP di mana kaedah-kaedah tersebut memperuntukkan bahawa EPS tidak terpakai kepada syarikat atau orang itu; dan

(g) Pengecualian cukai atas pendapatan yang dibuat melalui perintah pengecualian di bawah perenggan 127(3)(b) atau pengecualian di bawah subseksyen 127(3A) ACP di mana ia memperuntukkan bahawa EPS tidak terpakai kepada syarikat atau orang itu.

Contoh 47

Syarikat HH memulakan perniagaan mengilang perabot kayu pada 1.1.2009 dan menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun. Syarikat HH membeli beberapa buah jentera untuk harga RM350,000 dan sebuah bangunan kilang baharu berharga RM800,000 untuk suatu projek pembesaran tahun 2018.

Sebuah syarikat berkaitan dalam kumpulan syarikat telah menyerahkan kerugian berjumlah RM1.5 juta kepada Syarikat HH di bawah relif kumpulan untuk syarikat. Syarikat HH menuntut EPS ke atas jentera dan kilang tersebut dalam TT 2018.

Walaupun Syarikat HH layak menuntut relif kumpulan berjumlah RM1.5 juta bagi TT 2018, Syarikat HH tidak dapat menikmati relif kumpulan itu sebab ia telah menuntut EPS berhubung dengan perbelanjaan modal yang dilakukan untuk projek pembesaran bagi tahun taksiran tersebut.

Contoh 48

Syarikat JJ yang menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun telah diberikan sijil perintis dan tempoh perintis berakhir pada 31.5.2018. Syarikat JJ membeli beberapa buah jentera baharu untuk suatu projek yang layak pada 1.7.2018 dan menuntut EPS atas mesin tersebut dalam TT 2018.

Syarikat JJ **tidak layak** untuk EPS bagi TT 2018 memandangkan telah menikmati taraf perintis bagi tahun taksiran yang sama.

12.2 Sebuah syarikat yang menuntut EPS dalam sesuatu tahun taksiran dibenarkan untuk menggunakan elaun tidak diserap yang di bawa hadapan yang terbit daripada suatu insentif yang saling eksklusif. Begitu juga, bagi sebuah syarikat yang mempunyai EPS bawa hadapan dari tahun taksiran sebelumnya, syarikat itu tidak terhalang daripada menuntut mana-mana insentif yang saling eksklusif dalam suatu tahun taksiran.

Walau bagaimanapun, syarikat itu hendaklah menolak elaun yang dituntut bagi tahun semasa dahulu sebelum menolak EPS yang dibawa hadapan.

Contoh 49

Syarikat KK menjalankan perniagaan pengilangan makanan sejuk beku. Dalam TT 2018, syarikat KK menuntut sejumlah RM70,000 sebagai Elaun untuk Peningkatan Eksport (EPE) [tolakan terhadap 70% pendapatan berkanun]. Syarikat KK mempunyai EPS bawa hadapan berjumlah RM270,000 daripada perniagaan yang sama.

	RM	RM
Pendapatan berkanun perniagaan pengilangan makanan sejuk beku	300,000	
Tolak :		
Elaun Peningkatan Eksport (Dituntut dalam tahun semasa)	70,000	
	230,000	
Tolak :		
Elaun Pelaburan Semula (b/h RM270,000) Terhad kepada [(70% X 300,000) – EPE 70,000]	140,000	
Pendapatan dikenakan cukai	90,000	

Elaun Pelaburan Semula h/h (270,000 – 140,000) = RM130,000

Contoh 50

Syarikat LL menjalankan perniagaan pengilangan barang ganti automotif. Bagi TT 2018, syarikat LL melakukan perbelanjaan modal sebanyak RM450,000 bagi tujuan suatu projek yang layak. Syarikat LL mempunyai EPE yang tidak diserap dan di bawa hadapan berjumlah RM70,000 daripada perniagaan yang sama.

	RM	RM
Pendapatan berkanun perniagaan pengilangan makanan sejuk beku	300,000	
Tolak :		
EPS (60% x 450,000 = 270,000)	210,000[1]	

	RM	RM
Terhad kepada (70% x 300,000)	900,000	(EPS h/h 60,000)
Tolak : EPE (b/h 70,000) [(70% X 300,000 = 210,000) Tolak EPS 210,000	TIADA[2]	(EPE h/h 70,000)
Pendapatan dikenakan cukai 90,000		

Nota:
1. Sekatan kepada 70% pendapatan berkanun adalah selaras dengan Perintah Pengecualian Cukai Pendapatan dan Kaedah-Kaedah berhubung EPE.
2. Tiada EPE bawa hadapan ditolak dalam tahun taksiran 2018 kerana jumlah pendapatan berkanun yang boleh diberikan tolakan untuk EPE bawa hadapan (70% X 300,000 = 210,000) telah diserap sepenuhnya oleh EPS. EPE yang tidak dapat diserap akan dihantar ke hadapan ke tahun taksiran berikutnya.

Contoh 51

Syarikat MM yang menutup akaunnya pada 31 Disember telah diberi taraf perintis untuk produk A bagi suatu tempoh 5 tahun dan tempoh perintis tamat pada 16.04.2021. Syarikat MM mempunyai kerugian tidak diserap sebanyak RM150,000 dalam tempoh perintis. Dalam tahun 2018 syarikat MM melakukan perbelanjaan modal sejumlah RM500,000 bagi suatu projek yang layak untuk EPS dan telah mencapai tahap produktiviti yang ditetapkan oleh Menteri. Syarikat MM layak untuk menolak EPS sehingga 100% pendapatan berkanun bagi TT 2018.

TT 2018	**RM**	**RM**
Pendapatan berkanun perniagaan	430,000	
Tolak:		
EPS (60% X 500,000 = 300,000)	300,000	
	130,000	
Tolak:		
Rugi tempoh perintis (RM150,000 terhad kepada)	130,000	
Pendapatan dikenakan cukai		Tiada
Rugi tempoh perintis b/h (RM150,000 – RM130,000)		20,000

13 Prosedur Tuntutan

13.1 Tuntutan untuk EPS hanya boleh dibuat dalam BNCP bagi tahun taksiran yang berkenaan.

13.2 Tuntutan yang dibuat tidak memerlukan kelulusan bertulis daripada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Namun, tuntutan hendaklah direkod dalam borang tuntutan EPS yang boleh dimuat turun daripada Portal Rasmi LHDNM.

13.3 Borang tuntutan EPS asal hendaklah disimpan oleh orang yang menuntut bersama-sama dengan semua dokumen yang berkaitan dengan tuntutan tersebut.

14 Pengemaskinian dan Pindaan

<table>
<tr><td></td><td>Pindaan</td></tr>
<tr><td>KU ini menggantikan KU No.10/2020 bertarikh 06 November 2020</td><td>Kandungan KU ini telah dipinda dan dikemaskini seperti berikut:
<table>
<tr><td>Perenggan</td><td>Penerangan</td></tr>
<tr><td>Kandungan</td><td>Kandungan 9 dikemaskini dan diatur semula sebagai kandungan 10

Kandungan 10 dikemaskini dan diatur semula sebagai kandungan 9</td></tr>
<tr><td>8</td><td>Subperenggan 8.2.1 dikemaskini

Rajah 1 dan 2 dikemaskini

Rajah 3 dan 4 dimasukkan.</td></tr>
<tr><td>9</td><td>Perenggan 9.5 dikemaskini perkataan ‘tuntutan lanjut untuk EPS ‘ dikemaskini sebagai EPS Tambahan dan perkataan ‘Lanjutan EPS’ dikemaskini sebagai EPS Tambahan

Perenggan baharu, 9.6 dan 9.7 dimasukkan

Contoh 35 dan 36 baharu dimasukkan dalam perenggan 9.7</td></tr>
</table></td></tr>
</table>

	10	Contoh 35, 36, 37, 38, 39 dan 40 terdahulu dipinda dan di atur semula menjadi Contoh 37, 38, 39, 40, 41 dan 42 masing-masing. Sub perenggan 10.5.7 terdahulu dipinda dan diatur semula menjadi sub perenggan 10.5.8 Contoh 43 dan 44 dimasukkan dalam perenggan 10.5.7 Contoh 41 dan 42 terdahulu dipinda dan diatur semula menjadi 45 dan 46 masing-masing.	
	12	Contoh 43, 44, 45, 46 dan 47 terdahulu dipinda dan diatur semula menjadi Contoh 47,48, 49, 50 dan 51 masing-masing.	

15 Penafian

Contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Lampiran A

Senarai Aktiviti-Aktiviti yang tidak layak untuk EPS di Bawah Perenggan 9*(ii)* Jadual 7A ACP

1. Pembuatan ais;
2. Pemotongan, pengisihan, pembersihan, pengeringan, pengisaran, pengadunan, penggredan atau pembungkusan herba atau rempah atau mana-mana kombinasinya;
3. Pengeluaran batu baur, konkrit berasfalt, simen pra campur, konkrit siap campur atau bitumen atau mana-mana kombinasinya;
4. Melipat dan membentuk kotak kertas, kadbod, beg plastik, sampul surat atau apa-apa aktiviti melipat atau membentuk yang lain;
5. Perlaminaan;
6. Pengkuarian;
7. Perlombongan atau pengekstrakan galian;
8. Pemprosesan fotograf, gambar, slaid atau filem, atau mana-mana kombinasinya;
9. Pembuatan reroti melainkan jika aktiviti itu dijalankan di suatu kilang;
10. Penyulingan dan penurasan air;
11. Rawatan air sisa dan sisa pepejal;
12. Percampuran dan persebatian keluaran petroleum;
13. Pembersihan, pemprosesan, pembungkusan, penyejukbekuan barang keluaran, atau mana-mana kombinasinya;
14. Mengecat, menggilap, memvarnis, atau mana-mana kombinasinya;
15. Mewarna, mengecap atau mencetak logo ke atas bahan atau pakaian, atau mana-mana kombinasinya;
16. Pengeluaran herba atau ubat tradisional, atau mana-mana kombinasinya;
17. Pengeluaran kayu gergaji, venier, papan lapis termasuklah pengeringan produk itu,
    atau mana-mana kombinasinya;
18. Memfotostat;
19. Aktiviti kitar semula yang melibatkan pengisihan, pemotongan, pembungkusan, atau mana-mana kombinasinya;
20. Aktiviti pembinaan kapal.

Lampiran B

Computation of Process Efficiency (PE)*****
PROCESS EFFICIENCY (PE) = TOTAL OUTPUT - BIMS
TOTAL INPUT - BIMS
Note: BIMS is Bought-In Materials and Services

A	**Total Output**	**Notes**
1.	Net sales	Net sales = Gross sales less discounts, returns and rebates
2.	Closing stock of finished goods less opening stock of finished goods	
3.	Closing work-in-process less opening work-in-process	
4.	Own construction	Own construction is the total cost paid for any internal activity or project carried out by own resources for improvement or enhancement objective. Example: Upgrading tools for moulding activity
5.	Income from sale of goods purchased in the same condition	Example: Company XYZ is a tyre manufacturer. At the same time it acts as an agent for other tyre manufacturers and sell the tyres in the same condition to its clients
6.	Income from services rendered	The type of services rendered should be related to the main activity of the company as listed in the company's Memorandum of Association or its Constitution.

B	BIMS (Bought-In Materials and Services)	Notes
1.	Materials consumed	
2.	Supplies, consumables, printing and lubricants	Supplies: All related supplies such as stationary, packaging materials, accessories, tools, parts for repairs and maintenance etc. Consumables: All related items consumed in a production process
3.	Cost of goods sold in same condition	
4.	Utilities	Examples: Water, electricity and fuel
5.	Payment to contractors	Example: Payment for subcontracting works
6.	Payment for industrial work done by others, storages and supplies	Examples: Payment for maintenance of parts and machinery and for storage of materials or purchased goods.
7.	Payments for non-industrial services	Examples: Acquisition of trademark or patent, payment for royalties, advertising fees, audit fees, legal fees, professional charges, postage, consultancy fees etc.

C	Total Input	Notes
1.	Materials consumed	
2.	Supplies, consumable, printing and lubricants	Supplies: all related supplies such as lubricants stationery, packaging materials, accessories, tools, parts for repairs and maintenance etc. Consumable: all related items
3.	Cost of goods sold in same condition	
4.	Utilities	Example: Water, electricity and fuel
5.	Payment to contractors	Example: Payment for subcontracting works
6.	Payment for industrial work done by others, storages and supplies	Example: Payments for maintenance of parts and machinery and payments for storage of materials or purchased goods
7.	Payment for non-industrial services	Examples: Acquisition of trademark or patent, payment for royalty, advertising fees, audit fees, legal fees, professional fees, postage, consultancy fees etc.
8.	Salaries and wages (paid employees), including payment / fees to working / non-working directors	
9.	Payment-in-kind to paid employees, EPF, Socso, free wearing apparel etc.	
10.	Total depreciation	
11.	Bank charges	Example: Interest or charge paid to financial institutions
12.	Other payments (grants / donation and other expenditures) but excluding direct taxes	Example of grant: Scholarship grant given to staff andtheir immediate family members. Donations subject to those from approved list issued by Inland Revenue Board Malaysia

1. (a) Other operating income should be included as part of Total Output. Example: Sales of scraps and by-products.

(b) Non-operating income should not be included as part of Total Output. Examples of non-operating income are as listed below:

I. Interest received

II. Rent received

III. Gain on investments

IV. Gain on sale of properties

V. Gain on sale or evaluation of securities, stock and bonds

VI. Gain on foreign exchange transactions

VII. Other income on transactions non-operating nature

(c) Non-operating expenses should not be included as part of Total Input. Examples of non-operating expenses are as listed below:

I.Bad debts

II.Loss on sale of properties

III.Loss on sale or evaluation of securities, stock and bonds

IV.Loss on investments

V.Stock written-off

VI.Other losses on transactions non-operating in nature.

***Keseluruhan kandungan di Lampiran B** ini dikekalkan dalam Bahasa Inggeris

LAMPIRAN C

LHDN/BT/RA/2017

JABATAN DASAR PERCUKAIAN
IBU PEJABAT LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
MENARA HASIL, ARAS 17
PERSIARAN RIMBA PERMAI
CYBER 8, 63000 CYBERJAYA
SELANGOR
www.hasil.gov.my

TUNTUTAN BAGI ELAUN PELABURAN SEMULA (EPS) BAGI PROJEK YANG LAYAK DI BAWAH JADUAL 7A, AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967
CLAIM FOR REINVESTMENT ALLOWANCE (RA) FOR THE QUALIFYING PROJECT UNDER SCHEDULE 7A, INCOME TAX ACT 1967

NO. RUJUKAN CUKAI PENDAPATAN : .....
INCOME TAX REFERENCE NO.

CAWANGAN LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI : .....
BRANCH OF INLAND REVENUE BOARD:

TAHUN TAKSIRAN : .....
YEAR OF ASSESSMENT :

TEMPOH ASAS : .....
BASIS PERIOD :

TAHUN TAKSIRAN PERTAMA EPS DITUNTUT : .....
(Berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1998)
FIRST YEAR OF ASSESSMENT RA IS CLAIMED :
(With effect from the year of assessment 1998)

BAHAGIAN A: BUTIR-BUTIR SYARIKAT
PART A: DETAILS OF COMPANY

1. **Nama dan alamat berdaftar:**
Name and registered address:

.....
.....
.....
.....

LHDN/BT/RA/2017

2. Kategori pembayar cukai / *Category of taxpayer:*

a. **Syarikat perkilangan yang dilesenkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975.** ☐
A manufacturing company licensed under the Industrial Co-ordination Act 1975.

b. **Syarikat perkilangan yang tidak dilesenkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975.** ☐
A manufacturing company not licensed under the Industrial Co-ordination Act 1975.

c. **Syarikat di mana jumlah modal berbayar pada hari pertama tempoh asas tahun taksiran dituntut tidak melebihi RM 2.5 juta.** ☐
A company where paid-up capital on the first day of a basis period for a year of assessment claimed is not more than RM2.5 million.

d. **Syarikat, persatuan kerjasama berasaskan pertanian, persatuan peladang atau persatuan nelayan yang diluluskan yang menjalankan projek pertanian yang layak.** ☐
A company, an agro-based co-operative society, approved farmers or fishermen association which undertakes qualifying agricultural project.

3. Kategori Permohonan / *Category of Application:*

a. **Projek pembesaran bagi keluaran wujud.** ☐
Expansion project on existing product.

b. **Projek permodenan/automasi.** ☐
Modernization/Automation project.

c. **Projek pempelbagaian.** ☐
Diversification project.

4. Tarikh perniagaan dimulakan:
Date of commencement of business: .....

5. Struktur Ekuiti: **Rakyat Malaysia**/*Malaysian Citizen:* ..... (%)
Equity structure:
Rakyat Asing/*Foreign Citizen*: ..... (%)

LHDN/BT/RA/2017

6. **Jenis galakan yang sedang dinikmati atau diluluskan secara prinsip di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan 1967.**
Incentive currently enjoyed or had been approved in principle under the Promotion of Investments Act 1986 and Income Tax Act 1967

(a) **Jenis Galakan** / *Type of Incentive :* .....

(b) **Tarikh kelulusan** / *Date of approval:* .....

(c) **Tempoh** / *Period*: .....

(d) **Produk** / *Product* : .....

BAHAGIAN B: BUTIR-BUTIR PROJEK
PART B: PARTICULARS OF PROJECT

1. **Keterangan mengenai projek yang layak yang terlibat dalam aktiviti pengilangan atau pertanian dan kesan projek tersebut terhadap keluaran /operasi perniagaan sedia ada** / *Description of the qualifying project engaged in the activity of manufacturing or agriculture and the effect of that project on output/operation of the existing business.*

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

* Sediakan lampiran sekiranya perlu.
Provide attachment if necessary.

LHDN/BT/RA/2017

BAHAGIAN C: BUTIR-BUTIR PERBELANJAAN MODAL YANG LAYAK BAGI AKTIVITI PENGILANGAN ATAU PROJEK PERTANIAN

PART C : DETAILS OF QUALIFYING CAPITAL EXPENDITURE FOR MANUFACTURING PROJECT OR AGRICULTURAL PROJECT

1. Butir-butir perbelanjaan modal yang layak di mana EPS yang telah dituntut bagi tahun taksiran sebelumnya.
Detals of qualifying capital expenditure where RA was claimed in the preceding year of assessment.

(a) Loji dan jentera / *Plant and Machinery*

Jenis loji & jentera Types of plant & machinery	**EPS yang diberi** RA given	**Tahun taksiran dituntut** Year of assessment claimed	**Jumlah Kos** *Total cost* (RM) *	**Tarikh pemerolehan** Date of acquisition	**Tarikh pelupusan** Date of disposal

* Bagi aset yang diperolehi secara sewa beli, sila nyatakan jumlah bayaran modal yang telah dibuat bagi tempoh-tempoh asas sebelumnya di mana EPS telah diberi.
For assets acquired on hire purchase, please state the amount of capital payments made in the previous basis periods for which RA has been given

(b) Bangunan kilang (terpakai kepada aktiviti pengilangan)
Factory Building (applicable for manufacturing activity)

Lokasi/ Location	**Tarikh Perbelanjaan modal dilakukan/** *Date of capital expenditure incurred*	**Tarikh siap/** Date of completion	**Tarikh mula digunakan/** Date first put of use

LHDN/BT/RA/2017

(c) Lain-lain jenis bangunan termasuk tempat tinggal atau kebajikan pekerja/ pembaikan struktur tanah / lain-lain struktur (terpakai kepada projek pertanian
Other types of building including building for living accommodation or welfare of staff/improvement on land / other structures (applicable for agriculture project.

Lokasi Location	**Tarikh Dibeli/dibina (tidak termasuk kos tanah)** Date of purchase/ construction (excluding cost of land)	**Tarikh siap** Date of completion	**Tarikh mula digunakan** Date first put of use	**Jumlah kos** Total cost (RM)

2. Butir-butir aset berhubung EPS yang dituntut bagi tahun taksiran semasa.
Particulars of assets where RA is claimed in the current year of assessment.

(a) Loji dan jentera/*Plant & machinery*

Jenis loji dan jentera *Types of plant & machinery*	**Fungsi** *Function*	**Tarikh Diperolehi** *Date of acquisition*	**Jumlah kos** *Total cost* (RM)	**Cara pembayaran dan bayaran modal yang dibuat dalam tempoh asas** *Mode of payment and capital payment made in the basis period*		**Tarikh mula digunakan** *Date put to use*
				Sewa beli *hire purchase* (RM)	**Tunai** *Cash* (RM)	

LHDN/BT/RA/2017

(b) Bangunan kilang (terpakai kepada aktiviti pengilangan)
Factory building (applicable for manufacturing activity)

Lokasi *Location*	**Tarikh perbelanjaan modal dilakukan** *Date of capital expenditure incurred*	**Kos kilang** *Cost of factory*	**Tarikh mula digunakan** *Date first put of use*	**Keluasan kilang** *Area of factory*

(c) Lain-lain jenis bangunan termasuk tempat tinggal atau kebajikan pekerja/ pembaikan struktut tanah/ lain-lain struktur (terpakai kepada projek pertanian */ Other types of building including building for living accommodation or welfare of staff /improvement on land/other structure (applicable for agricultural project)*

Lokasi *Location*	**Tarikh Dibeli/dibina (tidak termasuk kos tanah)** *Date of purchase/ construction (excluding cost of land)*	**Tarikh siap** *Date of completion*	**Tarikh mula digunakan** *Date first put of use*	**Jumlah kos** *Total cost* (RM)

LHDN/BT/RA/2017

BAHAGIAN D : KECEKAPAN PROSES (KP)
PART D : PROCESS EFFICIENCY (PE)

Pengecualian sepenuhnya tuntutan EPS boleh dibenarkan jika syarikat pengilangan menunjukkan peningkatan produktiviti dalam tempoh asas bagi tahun taksiran tuntutan dibuat. Kelayakan untuk mendapat pengecualian sepenuhnya ke atas pendapatan statutori bergantung kepada pencapaian KP.

Full exemption of RA claim can be given if the manufacturing company has shown an increase in productivity in the basis period for the year of assessment the claim is made. The company's eligibility to claim full exemption of the statutory income will depend on its performance in respect of PE.

PENGIRAAN : KECEKAPAN PROSES (KP)
CALCULATION : PROCESS EFFICIENCY (PE)

(a) **KP bagi tahun taksiran yang dituntut :** .....
PE for the year of assessment the claim is made:

(b) **Kadar pertumbuhan bagi subsektor perkilangan :** .....
Growth rate for the manufacturing subsector :

Nota : Senarai kadar pertumbuhan tahunan bagi subsektor pengilangan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan setiap tahun taksiran boleh diperolehi daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
Note : The list of annual growth rate for the manufacturing subsectors issued by the Ministry of Finance for each year of assessment can be obtained from Inland Revenue Board of Malaysia.

BAHAGIAN E : PENGAKUAN OLEH PEMOHON
PART E: DECLARATION BY THE APPLICANT

Saya dengan ini / *I hereby* :

(a) **mengaku bahawa semua butir-butir yang diberikan dalam borang ini adalah benar dan betul** / *declare that all particulars furnished in this form are true and correct.*

(b) **mengaku bahawa perbelanjaan loji dan jentera yang dituntut tidak melibatkan penggantian alat gantian dan loji dan jentera berkenaan tidak digunakan oleh ahli pengurusan, pentadbiran atau staf perkeranian** / *declare that expenditure claimed for plant and machinery is not inclusive of replacement of parts and the plants and machinery are not used by the members of the management, administrative or clerical staff.*

(c) **mengaku bahawa borang ini dan semua dokumen-dokumen berkaitan dengan tuntutan ini disimpan dengan teratur dan boleh dikemukakan bagi tujuan audit** / *declare that this form and all documents relating this claim are properly kept and are available for audit purposes.*

LHDN/BT/RA/2017

(d) **memberi kebenaran kepada pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia yang diberi kuasa sepenuhnya pada bila-bila masa untuk membuat pemeriksaan ke atas salinan resit dan dokumen-dokumen lain berkaitan dengan tuntutan ini** / *give permission to the authorized officers of Inland Revenue Board of Malaysia at any time to examine copies of receipts and other documents relating to this claim.*

Tandatangan / *Signature*	:	.....
Nama / *Name*	:	.....
Jawatan / *Designation*	:	.....
Cop Syarikat / *Company's Stamp*	:	.....
Tarikh / *Date*	:	.....

* Pengarah merujuk kepada mana-mana ahli Lembaga Pengarah syarikat pemohon.
Director refers to any member of the Board of Directors of the claimant company.

(Borang tuntutan beserta dokumen sokongan yang lengkap dinasihatkan disimpan oleh syarikat penuntut bagi tujuan audit. Borang tuntutan ini tidak perlu dikemukakan kepada Jabatan Dasar Percukaian, Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. / *This claim form with the supporting documents are to be kept by the claimant company for audit purposes. This claim form need not be submitted to Tax Policy Department, Head Office of Inland Revenue Board of Malaysia)*